

**Bil. 27**

**Isnin  
16 Oktober 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

### **MENGANGKAT SUMPAH:**

Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

[Ruangan 1]

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru

[Ruangan 1]

Aturan Urusan Mesyuarat—Kelewatan

[Ruangan 1]

Perutusan Daripada Dewan Negara

[Ruangan 1]

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:**

[Ruangan 2]

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

Kematian Lee Guan Leong Semasa Di dalam Tahanan  
Polis-Sikap Berat Sebelah Laporan Penyiasatan Pihak  
Polis

—Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]

[Ruangan 19]

### **USUL:**

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-Peraturan  
Mesyuarat Dewan Rakyat (Kertas Dewan Bil. 2  
Tahun 1995)-  
Penerimaan Dewan

[Ruangan 24]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO’ ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO’ HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, DATO’ TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K.. (Kulim—Bandar Bharu).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO’ HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO’ K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO’ ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH. P.J.K. (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N., (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K., (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO’ MOHD SAID (KUALA NERUS).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” DATO’ HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- ” DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO’ NIKA UJANG, A.M.N., (Kuala Pilah).
- ” TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- ” TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- ” DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- ” PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI DATO’ MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- ” DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- ” TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- ” TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).

Yang Berhormat DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).

- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (MERBOK).
- " TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- " DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN Ahmad (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- " DATO' HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- " TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP. A.D.K. (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- Yang Berhormat MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.. (Gua Musang).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM, P.P.B. (Santubong).
- ” TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- ” TUAN SALAMON BIN SELAMAT S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- ” PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- ” DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- ” DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- ” DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- ” DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- ” DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- ” TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- ” TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- ” DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- ” DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- ” DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- ” TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- ” TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- ” TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- ” DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- ” TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- ” TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Pelapor Perbincangan  
Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop. P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin
- : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
- : Hajah Supiah binti Dewak.
- : Hajah Kalsom binti Ghazali.
- : Mohamed bin Osman.
- : Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
- : Zaharah binti Naim.
- : Norwahidah binti Azizi.
- : Rozita binti Abd. Samad.
- : Jainah binti Sakimin.
- : Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib.

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Isnin, 16hb Oktober, 1995***Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)***MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:  
Y.B. Tuan Lim Hock Seng (*Bagan*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA****MENGALU-ALUKAN AHLI  
BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**ATURAN URUSAN  
MESYUARAT—KELEWATAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Dewan Rakyat dan saya sendiri, saya meminta maaf di atas kelambatan menyiapkan Aturan Urusan Mesyuarat pada mesyuarat ini. Sebabnya, kami telah menghantar drafnya pada masa yang

lazim dan diharap mereka menghantarkan balik kepada kami pada masa yang lazim, iaitu pada hari Sabtu yang lepas. Malangnya, kami tidak dapat menerima dokumen itu pada hari Sabtu yang lepas itu sungguhpun pegawai kami menunggunya hingga ke petang hari. Sebabnya, seperti yang kami telah diberitahu ada masalah dalaman di pejabat cetak. Kami hanya menerima dokumen itu pada jam 8.30 pagi ini. Kejadian ini kami sendiri amat dukacita dan haraplah dimaklumkan.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan perutusan)*

“12 September 1995

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA KEPADA  
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Penadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995;

2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995;
3. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995;
4. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995;
6. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 1995;
7. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995;
8. Rang Undang-undang Penjara 1995;
9. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995;
10. Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) (Pindaan) 1995;
11. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995;
12. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1995;
13. Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995;
14. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995;
15. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1995;
16. Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995; dan
17. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995.

Yang ikhlas,

t.t

**YANG DI-PERTUA DEWAN  
NEGARA”**

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN WANITA  
SEDUNIA KE-4 DI BEIJING -  
PENDIRIAN MALAYSIA**

**1. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan secara terperinci pendirian negara kita Malaysia dalam Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing baru-baru ini dalam perkara-perkara berikut:

- (a) apakah perkara-perkara yang tidak dipersetujui oleh Malaysia pada hari terakhir Persidangan tersebut apabila keputusan Landasan Untuk Bertindak dibuat dan apa sebab-sebabnya; dan
- (b) bagi keseluruhannya, apakah pendirian negara kita khususnya mengenai soal kemiskinan, pendidikan, penghapusan keganasan terhadap wanita dalam konflik saudara dan peperangan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara-perkara yang Malaysia telah membuat reservation adalah seperti berikut:

- (i) interpretasi istilah keluarga individu dan pasangan. Malaysia tidak dapat menerima takrif istilah “keluarga” yang turut merujuk kepada keluarga yang terbentuk

di luar perkahwinan. Interpretasi istilah "keluarga" individu dan pasangan merujuk kepada keluarga tradisional yang terbentuk dan perkahwinan-perkahwinan atau penyatuan yang berdaftar di antara lelaki dan wanita termasuk anak-anak serta anggota keluarga yang lain. Hak wanita untuk mengawal dan membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan, sexual and reproductive. Penerima klausa ini tidak bermakna penerimaan Malaysia terhadap hubungan seks rambang dan amalan seks yang merupakan sinonim kepada homosexual dan lesbianism. Keperluan pendidikan dan perkhidmatan berkaitan seksual kepada remaja, Malaysia mengakui bahawa kesihatan remaja sebagai salah satu perkara yang memerlukan perhatian ekoran peningkatan kes-kes kehamilan remaja, pengguguran tidak selamat, penyakit-penyakit kelamin dan HIV, AIDS. Tetapi Malaysia percaya bahawa bimbingan ibu bapa tidak harus diketepikan dan 'pemuaan', 'permissiveness sexual' di kalangan remaja perlu dibendung.

- (b) Negara kita menyokong sepenuhnya tindakan-tindakan yang dicadangkan dalam landasan bertindak untuk

mengurangkan, menghapuskan kemiskinan di kalangan wanita. Ketidaksamaan peluang pendidikan dan penghapusan keganasan terhadap wanita dalam konflik saudara dan peperangan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa 'tidak diiktiraf' pernikahan atau konsep keluarga di luar daripada pernikahan. Apakah hak dan juga perlindungan yang diberi kepada anak-anak yang terhasil atau terkeluar dari definisi itu? Apakah ada dibezakan hak dan perlindungan yang diberi kepada anak-anak yang terhasil dalam nikah dan di luar nikah, sebab kita melihat lebih kepada anak-anak itu dan bukan pada sikap dan juga kelakuan ibu bapa mereka?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, hak-hak anak-anak yang berada di luar nikah, ini terpulanglah kepada undang-undang ataupun adat-adat sesuatu etnik di negara kita ini, kerana undang-undang banyak, jadi terpulang kepada sesuatu etnik jika anak itu dilahirkan di luar perkahwinan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah tindakan lanjutan kementerian beliau akan ambil untuk melaksanakan rancangan tindakan ataupun action plan yang telah diluluskan dalam Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing ini, dalam semua peringkat masyarakat kita?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal iaitu perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu, saya rasa terkeluar dari soalan asal kerana di

dalam sesi atau sidang pada masa ini ada 8 soalan berkenaan dengan hal ehwal wanita di Beijing. Oleh kerana itu saya fikir soalan itu memang ada dalam satu soalan yang belum dikeluarkan lagi. (*Ketawa*)

**KURSUS INDUKSI DI BAWAH  
SSB—MENJEJAS PROSES  
PENGAJARAN—  
PEMBELAJARAN**

**2. Cik Sukinam Domo** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa Kursus Induksi di bawah SSB menjejaskan proses pengajaran-pembelajaran di sekolah khususnya di Sarawak dan di luar bandar dan sekolah kecil kerana sekolah kecil hanya mempunyai 4/5 orang guru sahaja. Biasanya guru-guru ini guru baru yang perlu mengikut Kursus Induksi untuk pengesahan dalam jawatan. Apabila guru-guru ini berkursus selama 5 minggu sekolah beroperasi dengan guru ganti sahaja; dan
- (b) adakah Kementerian Pendidikan bercadang mengemukakan alternatif kepada kurikulum dan pendekatan yang ada sekarang dengan satu cara lain seperti menyediakan modul belajar sendiri dalam bentuk bahan cetak atau elektronik melantik pemudahcara bergerak, tanpa menjejaskan objektif kursus induksi dan tanpa menjejaskan proses pengajaran pembelajaran di sekolah kerana dengan cara demikian guru boleh belajar pada masa lapang dan masa yang sesuai.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan sedar bahawa kehadiran guru-guru dalam Kursus Induksi menimbulkan berbagai-bagai implikasi terhadap pengajaran—pembelajaran dan pentadbiran sekolah-sekolah terutama di negeri Sarawak. Perkara ini tidak dapat dielakkan disebabkan syarat-syarat perkhidmatan mewajibkan guru-guru meng-hadiri dan lulus Kursus Induksi dalam tempoh 3 tahun per-khidmatan. Walau bagaimanapun untuk mengurangkan masalah mulai bulan Oktober tahun 1995 Kursus Induksi di bawah SSB dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan. Kursus tersebut dijalankan sebelum guru-guru baru ditempatkan di sekolah-sekolah iaitu sebaik sahaja mereka tamat kursus di Maktab-maktab Perguruan. Dengan pelaksanaan ini proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid di sekolah kecil di luar bandar diharap tidak lagi akan terjejas.
- (b) Buat masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang untuk mengemukakan alternatif kurikulum dan pendekatan bagi Kursus Induksi. Ini adalah kerana kursus tersebut memerlukan latihan praktikal dan penerangan lanjut. Modul belajar sendiri dalam bentuk bahan cetak dan elektronik adalah kurang berkesan.

**TELEFON DAN TELEFON  
MUDAH ALIH—SEWA  
BULANAN**

**3. Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebabnya sewa bulanan telefon dan telefon mudah alih tidak dapat diturunkan walaupun syarikat yang mengendalikan urusan ini banyak membuat keuntungan pada tahun-tahun yang lepas.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kadar sewa bulanan telefon berwayar dan telefon selular telah ditetapkan pada tahun 1985 iaitu 10 tahun yang lalu. Walaupun Indeks Harga Pengguna (CPI) telah meningkat lebih daripada 25% dalam tempoh tersebut, tetapi bayaran sewa telefon tidak pernah dinaikkan.

Pada masa ini, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang mengkaji semula struktur tarif telekomunikasi termasuk kadar sewa bulanan telefon berwayar dan telefon selular. Antaranya, Kementerian bercadang menetapkan kadar tarif siling (maximum price capping) dengan izin, dan selepas itu semua pengusaha-pengusaha telekomunikasi dibenarkan menurunkan kadar tersebut bergantung kepada strategi pemasaran dan objektif keuntungan syarikat. Cadangan ini adalah selaras dengan dasar liberalisasi dan penswastaan supaya pengguna boleh membuat pilihan dan menikmati kadar tarif yang kompetitif.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kadar sewa bulanan telefon di luar bandar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan di bandar, jadi adakah Kementerian

bercadang untuk menyelaraskan sewa bulanan telefon di kedua-dua kawasan ini supaya ia tidak membebankan pengguna-pengguna di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama ialah benar.

Jawapan untuk soalan yang kedua, pihak kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang menjalankan satu proses yang dinamakan proses pengimbangan semula tarif telekomunikasi ataupun, dengan izin, tariff rebalancing. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang ini akan diberi perhatian yang serius untuk mengkaji semula sama ada kita akan menurunkan sewa telefon di kawasan desa.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. menurut laporan dalam surat khabar kadar bayaran telefon akan dinaikkan setinggi 300%. Kalau benar, ini akan menjejaskan konsep 'inflasi sifar' yang dilancarkan oleh kerajaan. Saya harap menteri boleh memberikan penjelasan berkenaan isu ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak sedar tentang cadangan kenaikan tarif telekomunikasi sebanyak 300% seperti mana yang dilaporkan dalam surat khabar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Walau bagaimanapun, saya hendak mengambil peluang di sini untuk memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa dalam proses perimbangan semula tarif telekomunikasi, kepentingan semua pihak termasuk pihak pengguna, pihak pemegang saham ataupun kepentingan negara pada keseluruhannya akan diambil kira.

**PASPORT YANG DITAHAN—  
SIASATAN**

**4. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pasport yang ditahan dan bilangan pasport telah dikembalikan kepada pemegang pasport. (Pasport ditahan kerana melebihi tempoh tinggal di negara asing).
- (b) adakah kesulitan dan halangan dalam permohonan mendapat balik pasport yang ditahan. Sila beri sebab-sebabnya; dan
- (c) mengapakah permohonan mendapat semula pasport yang tercicir, terbakar, tercuri atau terosak sangat payah. Sila beri tempoh dan kriteria mendapat semula pasport sedemikian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian Dalam Negeri telah memutuskan bahawa mulai 14hb Jun, 1995 pasport warganegara Malaysia yang ditahan kerana tinggal lebih masa di luar negara, jika tidak ada melakukan kesalahan yang lain tidak akan ditahan dan boleh dikembalikan semula kepada pemegangnya. Setakat ini bilangan pasport rakyat Malaysia yang ditahan kerana hanya tinggal lebih masa di luar negara adalah berjumlah 19,353 naskhah. Dari jumlah tersebut sejumlah 15,550 naskhah telah dikembalikan kepada pemegangnya.
- (b) Sepatutnya tidak ada kesusahan atau halangan dalam memulangkan pasport tersebut. Cuma pemulangan pasport sebilangan

yang begitu besar memerlukan masa dan tenaga di beberapa negeri dan ini dilakukan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen Malaysia di samping tugas-tugas harian mereka. Namun demikian, sebahagian besar telah pun dipulangkan. Bakinya dijangka dapat dipulangkan dalam satu dua bulan yang akan datang ini.

- (c) Permohonan mendapat balik pasport kerana kehilangan atau rosak memerlukan siasatan untuk memastikan kesahihan. Tempoh siasatan bergantung kepada sejauh mana kerjasama dan butiran yang diberi oleh pemohon untuk memberi maklumat berkaitan dengan rayuan pasportnya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pasport Malaysia ini begitu popular, malah saya difahamkan sindiket-sindiket boleh membayar berpuluh-puluh ribu ringgit untuk memiliki pasport Malaysia secara haram. Ini saya dapati bahawa Malaysia itu begitu mudah untuk ditukar-ganti gambar dan butir-butir yang lain. Adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan pasport baru yang lebih canggih, yang lebih menyulitkan orang-orang yang ingin mencuri pasport ini dan menukar dengan gambar dan butir-butir yang lain di dalam pasport tersebut?

Kedua, berapa banyakkah pasport yang hilang secara sebenar dan pasport yang hilang tetapi telah ditukar-ganti ataupun telah dijual kepada orang yang lain? Bolehkah Pejabat Imigresen ataupun Kementerian Dalam Negeri mengenal pasti berapakah sebenarnya pasport yang hilang sama ada dalam kebakaran dan sebagainya dan ada juga

yang hilang setelah mereka ini menjual dan sebagainya di luar negara? Sekian.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pasport Malaysia ini telah pun beberapa kali ditingkatkan ciri-ciri keselamatannya sejak 10 tahun kebelakangan ini tetapi setiap kali kita tingkatkan cirinya, sendiket ini pun canggih juga, mereka ikut sama tapak kita. Nampaknya Malaysia ini penuh dengan genius tidak kira dalam bidang ekonomi bahkan bidang yang haram itu. Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan memang dalam proses mengkaji sama ada kita boleh mengenakan satu pasport yang lebih canggih di mana gambar itu tidak mudah untuk dikeluarkan. Mungkin kalau boleh gambar itu merupakan sebahagian daripada kertas seperti apa yang kita sedang buat dengan kad pengenalan di mana gambar tidak boleh dipisahkan. Kalau dipisahkan ia akan rosak semuanya. Walau bagaimanapun semua itu masih dalam kajian.

Untuk bahagian yang kedua, Jabatan Imigresen tidak mempunyai angka yang tepat kerana seperti mana yang saya jawab tadi kita tidak dapat pastikan yang mana kehilangan yang genuine, dengan izin, dan yang mana yang tidak sah. Ia memerlukan siasatan tetapi boleh dikatakan dalam beberapa tahun dahulu sebelum Jabatan Imigresen mengenakan penalti, iaitu penangguhan pengeluaran pasport untuk satu tempoh. Sebelum kita kenakan hukuman ini, memang banyak laporan kehilangan pasport. Nampaknya orang hilang pasport begitu senang, ikut sesuka hati. Selepas kita menghukum iaitu sesiapa yang hilang pasport susah hendak mendapatkan semula sehingga memakan masa tiga tahun dan ada yang sampai lima tahun, maka sekarang nampaknya rakyat

Malaysia sudah berhati-hati dan kadar kehilangan pun sudah kurang kalau dibandingkan dengan dahulu. Saya rasa kesannya sudah ada. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata selepas tahun 1995, kepada mereka yang tinggal lebih tempoh di luar negara pasport mereka tidak akan dirampas. Saya hendak mendapatkan satu penjelasan lagi iaitu setelah mendapat balik pasport yang telah dirampas dahulu, ada ramai pemegang pasport sekarang pergi ke luar negara untuk mencari rezeki. Adakah mereka ini apabila balik kelak pasport-pasport mereka akan ditahan lagi? Ini mustahak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat iaitu apa-apa yang telah berlaku pada masa dahulu kalau tidak ada kesalahan yang lain, hanya tinggal lebih masa, kita pulangkan dan tidak akan ditahan lagi. Kalau seseorang itu keluar dengan pasport yang sama keluar negeri, sekiranya dia tidak melakukan kesalahan-kesalahan yang lain, maka dia keluar masuk tidak ada masalah kecuali kalau seseorang itu pergi ke tempat lain dia melanggar undang-undang negara yang tersebut itu ataupun melakukan sesuatu yang tidak diizinkan, maka bila dia balik pasportnya akan ditahan untuk siasatan.

#### **NAHAS FOKKER 50 MH2133— PAMPASAN**

**5. Datuk Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah pampasan yang hendak dibayar oleh Penerbangan Malaysia (MAS) kepada

setiap penumpang dan mangsa nahas yang tersebut di Tawau:

- (a) adakah juga pampasan diberikan kepada penduduk Kg. Seri Menanti yang terbabit dalam nahas itu; dan
- (b) apakah punca menyebabkan pesawat Fokker 50 MH 2133 jatuh terhempas di Lapangan Terbang Tawau pada 15.9.1995 yang lalu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak-pihak yang berkenaan masih lagi sedang mengkaji semua aspek berkenaan pampasan berkaitan dengan kemalangan pesawat Fokker 50 di Tawau, Sabah. Oleh yang demikian, jumlah pampasan belum dapat diketahui lagi. Walau bagaimanapun, MAS telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM566,500 setakat ini kepada waris yang meninggal dunia, kepada penumpang yang selamat dan juga kepada penduduk Kampung Seri Menanti yang dimasukkan ke hospital.
- (b) Penyiataan kemalangan pesawat Fokker 50 kepunyaan-kepuayaan Penerbangan Malaysia di Tawau pada 15hb. September, 1995 belum lagi selesai. Punca kemalangan tersebut akan hanya diketahui selepas siasatan selesai dan laporan diterima oleh Kementerian Pengangkutan.

**TASKA MENANAM  
PERASAAN BENCI TERHADAP  
PEMIMPIN**

**6. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah** minta Menteri

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan nama-nama Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang didakwa cuba menanam perasaan membenci di kalangan kanak-kanak kepada pemimpin-pemimpin kerajaan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya menyimpan senarai TASKA yang sudah didaftar atau dalam proses didaftarkan. Apabila sesuatu permohonan diterima, pegawai TASKA akan menyemak segala lampiran termasuk jadual waktu harian yang akan memberi suatu gambaran bagaimana program TASKA dijalankan. Pegawai TASKA juga akan melawat TASKA dengan tujuan memberi bimbingan dan panduan supaya pengusaha dapat mengendalikan program dengan tujuan menyokong perkembangan kanak-kanak dan mengasuh ke arah menjadi warganegara yang baik. Oleh yang demikian, jabatan tidak mempunyai senarai TASKA seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan bahawa banyak juga TASKA-TASKA ini dijalankan oleh parti-parti politik yang menanamkan fahaman negatif terhadap kanak-kanak, terutama sekali terhadap kepimpinan negara kita ini. Bagaimanakah pihak kementerian mengasuh kembali kanak-kanak ini yang telah dirasuk oleh parti-parti pembangkang memesongkan pemikiran mereka?

Soalan kedua, adakah pihak TASKA akan memperkenalkan satu sahaja jenis pakaian untuk kanak-kanak di TASKA ini, kerana ada juga pakaian-pakaian yang tak sesuai dengan kanak-kanak di Malaysia; dia lilit kepala sampai lebih daripada kepala benggali, jadi menyusahkan kanak-kanak untuk belajar. *(Ketawa)*

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, senarai TASKA yang tidak didaftar, Kementerian ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak ada senarai tersebut. Hanya yang berdaftar ada senarai. Apa yang disentuh oleh Yang Berhormat, iaitu mengenai TASKA yang memberi ajaran tidak mengikut panduan ataupun yang diperlukan oleh jabatan, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, itu pun Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak ada senarai. Sekiranya Yang Berhormat dapat tahu nama TASKA yang menjalankan tugas tidak mengikut arahan, yang Berhormat boleh beritahu jabatan ataupun dengan kementerian. Saya memberi kaminan iaitu sekiranya ada pengaduan yang diterima, siasatan akan dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi berkenaan dengan pakaian, Yang Berhormat.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada cadangan untuk pakaian diselaraskan. Tetapi mengikut Akta TASKA 1984, perkara ini memang ada disentuh dalam akta tersebut. Jadi, sekiranya mana-mana Ahli Yang Berhormat dapat tahu mana perkara yang tidak mengikut akta ini bolehlah beritahu kementerian ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chang Kon You.

*(Soalan No. 7—Y.B. Tuan Chang Kon You. tidak hadir)*

## KWSP—PENGELUARAN BAGI TUJUAN PELABURAN

**8. Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pencarum KWSP yang telah mengeluarkan wang caruman mereka untuk tujuan pelaburan dan apakah jenis pelaburan yang dibenarkan. Sama ada pelaburan dalam bentuk skim amanah seperti ASB, ASJ dan lain-lain, ataupun semua bentuk pelaburan yang berisiko tinggi termasuk di bursa -bursa saham seperti BSKL;
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan kemudahan mengeluarkan wang caruman ini untuk tujuan-tujuan lain seperti untuk membiayai pelajaran anak-anak, rawatan dan lain-lain; dan
- (c) berapakah jumlah wang caruman di KWSP yang belum dituntut oleh pencarum-pencarum setakat ini. Dan tidakkah kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang bagi membolehkan wang yang tidak dituntut dalam tempoh tertentu dan usaha-usaha mengesan penarum-pencarum yang ter-libat ternyata gagal dan sia-sia, boleh digunakan untuk kepentingan awam misalnya, untuk tujuan pinjaman pelajaran, rawatan, perniagaan dan lain-lain.

**26. Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa amaun caruman KWSP dikeluarkan oleh ahli yang meninggalkan negara ini dan bilangan ahli berkenaan; dan

- (b) berapa amaun caruman KWSP yang masih tidak dituntuti oleh ahlinya dan bagaimanakah KWSP mengendalikannya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini mengenai isu yang sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan yang dijadualkan pada hari ini, maka saya memohon izin untuk menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Wong See Wah:** Terima kasih Pengeluaran simpanan KWSP untuk tujuan pelaburan masih belum dapat dilaksanakan lagi kerana Akta KWSP 1991 perlu dipinda terlebih dahulu bagi membenarkan ahli pencahuran melakukan pelaburan sebahagian daripada simpanannya. Kerajaan sedang menyiapkan draf undang-undang untuk skim tersebut dan akan dikemukakan kepada Parlimen. Skim ini hanya akan dilaksanakan setelah undang-undang mengenainya diluluskan oleh Parlimen.

Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan ahli KWSP mengeluarkan simpanan mereka untuk tujuan membiayai pelajaran anak-anak. Mulai daripada 1hb November, 1994 kerajaan telah pun membenarkan ahli-ahli KWSP mengeluarkan simpanan mereka daripada akaun tiga yang merupakan 10% daripada jumlah kredit ahli untuk tujuan rawatan ahli itu sendiri, anak dan ibu bapa serta adik-beradik mereka.

Jumlah wang caruman KWSP yang telah dituntut setakat bulan Julai 1995 adalah sebanyak RM31.4 juta. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu rang undang-undang

untuk membolehkan wang simpanan yang dituntut digunakan untuk sebarang tujuan lain. Simpanan ini masih disimpan di KWSP sehingga ahli membuat tuntutan untuk mengeluarkannya. Bagaimanapun KWSP telah menjalankan usaha-usaha untuk mengesan ahli-ahli terlibat.

Langkah-langkah yang telah dikendalikan untuk tujuan ini adalah seperti berikut:

- (i) untuk menerbitkan buku simpanan KWSP yang tidak dituntut untuk ahli yang berumur 60 tahun ke atas;
- (ii) menyediakan poster buku simpanan KWSP yang tidak dituntut; dan
- (iii) mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia untuk mengesan alamat terbaru bagi ahli KWSP berkenaan serta dengan langkah-langkah yang lain.

Sebelum wang ini dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, KWSP melaburkan wang ini bersama dengan dana keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah simpanan KWSP yang dikeluarkan oleh ahli di bawah skim pengeluaran meninggalkan negara dari bulan Januari 1995 hingga bulan Ogos 1995 adalah sebanyak RM50.9 juta melibatkan bilangan ahli seramai 1,004 orang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita tahu bahawa wang pencahuran ini akan dikeluarkan apabila orang-orang itu cukup 55 tahun. Tetapi kebanyakan kakitangan kerajaan bersara lebih awal iaitu pada umur 40 tahun. Apakah kementerian bercadang supaya wang ini dapat dikeluarkan untuk tujuan modal

perniagaan, kerana mereka ini bercadang untuk berniaga.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KWSP telah menyediakan tiga akaun untuk setiap ahli KWSP, iaitu akaun pertama yang merupakan 60% daripada kredit ahli itu untuk tujuan persaraan selepas bersara pada 55 tahun. Yang kedua, iaitu akaun dua, merupakan 30% kredit ahli. Ini adalah untuk tujuan prapersaraan, iaitu kalau dikeluarkan selepas 50 tahun umurnya. Tujuannya mungkin adalah untuk membeli atau membina rumah ataupun mengurangkan gadaian, tujuan untuk membeli rumah. Dan akaun yang ketiga ialah 10% kredit ahli untuk rawatan perubatan seperti yang telah saya sebutkan. Maka untuk tujuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu kerajaan tidak ada cadangan lagi untuk berbuat demikian.

#### **SISTEM BAYARAN KOMISEN BAS MINI—MENGHAPUSKAN**

**9. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bahawa perilaku pemandu-pemandu bas mini di Kuala Lumpur berlumba-lumba untuk mendapatkan penumpang tanpa menghiraukan bahaya ke atas orang lain termasuk pejalan-pejalan kaki dan penunggang-penunggang motosikal adalah disebabkan sistem bayaran komisen (iaitu berdasarkan banyak penumpang) yang dibuat oleh pemilik-pemilik mini bas berkaitan kepada pemandu-pemandu mereka. Sejauh mana perkara ini benar dan jika benar adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mengharamkan sistem bayaran komisen ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar

bahawa peraturan membayar komisen kepada pemandu dan konduktor bas mini di Kuala Lumpur adalah merupakan salah satu sebab pemandu-pemandu bas mini memandu bas mereka dengan keadaan kurang sopan dan ada kalanya membahayakan penumpang serta pengguna jalan raya yang lain.

Selain daripada itu, kementerian mendapati ada beberapa sebab yang lain, yang menyebabkan mereka sedemikian. Salah satu daripada ialah persaingan yang sangat sengit di antara pengusaha-pengusaha bas mini di laluan yang sama, amalan pemajakan lesen dan kesesakan jalan raya di bandaraya Kuala Lumpur. Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Trafik sentiasa menjalankan penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu bas mini yang memandu secara kurang sopan.

Sebagai langkah jangka panjang, kerajaan telah pun memutuskan bahawa perkhidmatan laluan bas mini di Kuala Lumpur akan diambil alih oleh DRB Berhad melalui anak syarikatnya Intrakota Consolidated Sendirian Berhad. Adalah dijangkakan Intrakota akan dapat memberi perkhidmatan di semua laluan bas mini di Kuala Lumpur pada tahun 1997. Pada masa itu perkhidmatan bas mini Kuala Lumpur akan berakhir.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai dengan kes-kes yang telah dikenal pasti dan juga telah dicadangkan oleh Kementerian Pengangkutan dan juga Polis ke atas pesalah-pesalah yang memiliki permit bas mini ini yang telah melakukan kesalahan-kesalahan melalui operasi-operasi penguatkuasaan yang telah dibuat. Jadi, saya ingin bertanya Yang

Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah permit bas mini yang telah dibatal ataupun digantung hasil daripada cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Pengangkutan ataupun Polis.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk kesalahan-kesalahan yang telah dibuat, ada kalanya permit-permit mereka telah tidak dibaharukan, tetapi oleh kerana exercise yang telah dijalankan kemudian ini untuk memberi laluan kepada Intrakota, banyak daripada permit-permit mereka itu sudah tidak dibaharukan. Jadi, ianya berjalan masa demi masa.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah pemandu bas mini merupakan masalah yang telah lama diceritakan, jadi adakah pihak kementerian bercadang untuk memanggil semua drebar bas-bas mini yang terlibat ini dan juga pemandu-pemandu teksi untuk diberikan satu kursus khas terutamanya kursus sivik.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kebanyakan tindakan yang diambil kepada bas-bas mini di antaranya oleh pemandu bas Intrakota yang baharu dilatih, semua pemandu-pemandu bas Intrakota yang baharu menjalani latihan selama satu bulan dan juga pada setiap dua minggu 25 orang pemandu baru akan dilatih oleh Intrakota. Dan diharap dengan latihan-latihan ini, masalah-masalah yang berlaku tadi akan berkurangan.

#### KANSER PAYUDARA— JUMLAH KES

10. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes kanser payudara di tiap-tiap negeri di seluruh negara setakat ini;

- (b) apakah langkah untuk mencegah dan merawat kanser payudara yang dilaksanakan oleh kementerian; dan

- (c) apakah tindakan susulan pihak kerajaan setelah penemuan penawar kanser payudara baru-baru ini oleh seorang penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia; Prof. Madya Dr. Azizahtol Hawariah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Bilangan kes kanser payudara yang dimasukkan ke hospital-hospital kerajaan di Malaysia telah meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah kes kanser payudara yang telah dimasukkan ke hospital-hospital kerajaan di dalam tahun 1994 adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i>            | <i>Kemasukan</i> | <i>Kematian</i> |
|--------------------------|------------------|-----------------|
| Perlis                   | 39               | 2               |
| Kedah                    | 86               | 5               |
| Pulau Pinang             | 424              | 15              |
| Perak                    | 386              | 22              |
| Hospital<br>Kuala Lumpur | 814              | 52              |
| Melaka                   | 39               | 4               |
| Selangor                 | 111              | 5               |
| Negeri<br>Sembilan       | 110              | 6               |
| Johor                    | 273              | 23              |
| Pahang                   | 170              | 6               |
| Terengganu               | 92               | 1               |
| Kelantan                 | 33               | 0               |
| Sabah                    | 329              | 15              |
| Sarawak                  | 247              | 6               |
| Jumlah                   | 3,153            | 162             |

(b) Kementerian Kesihatan menjalankan berbagai aktiviti untuk mencegah dan merawat kanser payudara. Di antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah:

(i) **Promosi Kesihatan**

Kempen Cara Hidup Sihat 1995 yang bertemakan kanser merupakan salah satu program promosi kesihatan. Pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan diadakan untuk memberi kesedaran kepada wanita Malaysia mengenai kanser terutamanya berkenaan dengan kanser payudara. Di antara aktiviti pendidikan kesihatan ini termasuklah dengan mengadakan:

- ceramah
- pameran
- dialog
- seminar
- penulisan artikel di dalam akhbar
- pengedaran poster dan risalah

Aktiviti pendidikan kesihatan ini dilakukan melalui media massa dan lain-lain saluran sama ada secara bersendirian oleh Kementerian Kesihatan atau bersama pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan agensi kerajaan yang lain. Faktor risiko kanser, cara pencegahan, pengesanan awal dan rawatan adalah perkara-perkara yang diberi penekanan di dalam aktiviti pendidikan kesihatan ini.

(ii) **Pengesanan Awal**

Wanita berumur 20 tahun ke atas digalakkan untuk melakukan Pemeriksaan Sendiri Payudara sebulan sekali. Wanita berumur 35 tahun ke atas diminta untuk mendapatkan pemeriksaan payudara dari Pegawai Perubatan setahun sekali. Pemeriksaan ini adalah penting untuk mengesan kanser payudara di peringkat awal.

(ii) **Penubuhan Klinik Payudara**

Klinik Payudara telah ditubuhkan di beberapa hospital besar untuk memberi kemudahan kepada wanita mendapat pemeriksaan payudara dan rawatan kanser payudara di peringkat awal. Lebih banyak Klinik Payudara akan ditubuhkan di lain-lain hospital.

Semua hospital besar mempunyai kemudahan untuk merawat kanser payudara sama ada secara pembedahan atau kemoterapi. Pesakit yang memerlukan rawatan secara radioterapi akan dirujuk ke Jabatan Onkologi dan Radioterapi, Hospital Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan akan menubuhkan Unit Radioterapi di beberapa kawasan lain untuk memudahkan rawatan secara radioterapi diberikan kepada pesakit kanser.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan teknologi baru untuk mencegah dan merawat kanser payudara.

- (c) Penemuan penawar kanser payudara oleh seorang penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Azizahtol Hawariah merupakan satu kebanggaan. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan tentang keberkesanan dan kesan sampingan penawar tersebut untuk jangka pendek dan panjang kepada pesakit kanser payudara.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan untuk membantu bagi membanteras masalah ini, pernah saya terbaca dalam satu artikel yang telah disuarakan bahawa suami pun harus memainkan peranan bagi membantu merawat masalah payudara ini. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat Dato' bercadang untuk mengadakan kursus-kursus kepada para suami dan juga bakal-bakal suami bagi sekurang-kurangnya membantu bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kursus, buat sahaja. (*Ketawa*) Perkara itu senang sekali kerana kita dimaklumkan bahawa kesan awal stage kanser payudara ini boleh disekat apabila kerap dilakukan pemeriksaan awal iaitu pemeriksaan awal biasa, tidak payah pergi membuat radioterapi kerana terlalu sulit, terlalu sukar atau sakit. Jadi, kalau periksa awal ini, dia ada proses yang paling simple yang

diajar oleh doktor yang kalau suami boleh juga lakukan, boleh membantu wanita dan isteri menyekat (dihindar), kerana stage kanser payudara adalah diperingkat 1, 2, 3 dan 4, jadi kita dilaporkan oleh pakar kanser payudara di Hospital Kuala Lumpur, 90% daripada kes-kes kanser yang dihindangi payudara oleh wanita datangnya di peringkat stage yang ketiga atau keempat iaitu kalau stage pertama bermakna kalau dibantu membuat pemeriksaan ini, biasanya benjolan yang terdapat di payudara kurang dari 2 cm. Jadi sebab itulah digalakkan secara menyeluruh melalui kempen-kempen kesihatan kepada wanita khususnya bukan sukar untuk melakukannya kerana kita sebagai satu masyarakat yang tradisional, kaum wanita tidak suka membuat amalan yang macam itu, jadi kita menggalakkan kerana ini merupakan satu amalan kesihatan.

Kalau stage kedua, benjolannya adalah 2 cm hingga 5 cm dan boleh berlaku pembesaran kelenjar kepada bahagian ketiak di bahagian payudara yang diserang, itu stage kedua. Dan kalau mendapat rawatan awal, kalau di stage pertama masih boleh hidup di antara 20 hingga 30 tahun, itu yang paling penting, kalau dapat pemeriksaan awal dan dapat tahu, maka dapat pencegahan awal. Kalau stage kedua boleh hidup lagi di antara 10 hingga 15 tahun. Kalau stage ketiga, benjolannya lebih daripada 5 cm merebak ke bahagian leher dan tulang bahu (collar bone) dan kelenjarnya sudah begitu besar, kalau dapat rawatan pun mungkin dalam lima tahun, jika bernasib baik.

Stage keempat, iaitu telah merebak ke tulang paru-paru, hati dan sebagainya ini, tiada esok bagimu. Inilah yang menjadikan satu masalah

yang kita diminta, supaya kaum bapa pun, bukan sukar untuk membuat benda itu.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan juga UKM kerana penemuan baru ini. Soalannya bilakah dijangkakan ubat ini boleh diadakan dalam pasaran? Itu pertama.

Kedua, berikutan dengan berita penemuan ini maka terdapat aduan-aduan dari orang ramai bahawa ada penjual-penjual terus (direct sales) telah menjual ubat-ubat yang dikatakan penawar kanser. Apakah langkah-langkah kementerian untuk mencegah daripada ini berlaku dan bagaimanakah pengakuan kementerian supaya orang ramai tidak keliru dengan perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat dari pakar-pakar kanser mengenai penemuan itu, ia memerlukan kajian secara terperinci kerana penemuan baru itu masih di peringkat awal dan belum boleh didedahkan kepada umum tanpa melalui peringkat-peringkat tertentu seperti ujian kepada manusia, kesan tahap toksid sebatian atas pesakit dan sebagainya. Namun demikian, penemuan tersebut adalah baik sekali kerana kajian secara saintifik terhadap keberkesanan tumbuhan tropika memang jarang dilakukan kecuali bergantung kepada kajian yang dijalankan oleh negara barat, itu pun memakan masa agak lama antara 20 — 30 tahun sehingga boleh kita melihat kesannya dan boleh digunakan.

Perkara kedua, aduan orang ramai kalau ada yang mengambil kesempatan daripada laporan ini, mereka atau sesiapa yang tidak bertanggungjawab membuat atau menjalankan atau

menjual barangan atau ubatan yang dikatakan berkaitan dengan soal penawar ini boleh membuat laporan terus kepada bahagian pengawalan dadah dan selepas siasatan, tindakan boleh diambil.

#### **KERETA NASIONAL— PELARASAN HARGA**

**13. Tuan Jimmy Donald** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapa harga kereta nasional seperti Proton dan Perodua tidak diselaraskan di seluruh negara memandangkan kerajaan dapat memberi subsidi untuk kereta-kereta yang dieksport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, penetapan Harga Jualan Bersih atau Net Selling Price (NSP), dengan izin, bagi kereta nasional dan kenderaan yang dipasang dalam negeri, dibuat berdasarkan kepada kos benar yang telah dilakukan oleh pengilang dan pengedar francais yang disokong oleh dokumen-dokumen asal. Penetapan NSP ini adalah bagi tujuan melindungi pihak pembeli dan pengilang serta bagi maksud kutipan hasil cukai kerajaan. Berdasarkan kepada garis panduan yang digunakan bagi penetapan NSP ini, ianya memberi beberapa elemen tambahan bagi penetapan NSP di Sarawak dan di Sabah jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Garis panduan yang digunakan itu telah dipersetujui oleh kerajaan dan pihak pengilang, pengedar, francais. Bagi Semenanjung Malaysia, NSP adalah seragam untuk semua bandar, tetapi bagi Sabah dan Sarawak ianya berbeza mengikut bandar-bandar

tertentu bergantung kepada beberapa elemen kos tambahan seperti kos pengedaran tempatan dan kos pengangkutan dari kilang ke pelabuhan (landing cost) dengan izin. Bagi Sarawak terdapat perbezaan NSP di antara bandar Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. Bagi negeri Sabah, keadaannya serupa juga berlaku bagi Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Namun begitu kerajaan sedang mengkaji untuk menyeragamkan NSP bagi meliputi seluruh negara.

Berkaitan dengan usaha-usaha Proton mengeksport kereta keluarannya pula, kerajaan tidak memberi subsidi untuk tujuan ini. Ianya adalah atas usaha syarikat Proton Bhd. sendiri bagi merancang dan menentukan jumlah untuk dieksport serta pasarannya yang berdasarkan kepada keupayaan kereta Proton untuk bersaing di sesuatu pasaran di luar negeri.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin bertanya, adakah kementerian berkenaan sedar bahawa bagi negeri Sabah dan kemungkinan juga di negeri Sarawak, kos ataupun harga pasaran bagi kereta-kereta ini dikatakan oleh pihak pembeli tidak menggambarkan kos yang sebenar mahupun dari kos pengangkutan ataupun kos pengedaran, khususnya, dengan izin, within the state. Adakah kementerian yang berkenaan sedar mengenai perkara ini dan apakah pengawasan ataupun tindakan akan dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, adakah pihak kementerian sedar bahawa bukan sahaja susah untuk menempah ataupun untuk membeli kereta ini kerana 'waiting queue' yang begitu panjang, tetapi juga harga second-hand ataupun kereta yang

terpakai ini, kalaulah umur kereta itu sudah dipakai 6 bulan, harganya adalah lebih mahal daripada kereta baru. Ini menimbulkan kemungkinan bahawa ada pihak yang membuat tempahan khusus untuk mendapat keuntungan. Adakah pihak kementerian sedar dan apakah tindakan yang sedang dijalankan?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbezaan harga yang dijual di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak, daripada makluman yang saya terima, jumlah perbezaan ialah di antara 8%-9%, iaitu RM2,400 atau RM2,500 di Kuching dan di Kota Kinabalu berbanding dengan RM2,300 di Semenanjung untuk model Proton Wira 1.5 GL. Pihak kementerian memang sedar bahawa ianya mungkin tidak menggambarkan harga yang sebenarnya, tetapi atas alasan-alasan tertentu iaitu dari segi kos pengedaran tempatan dan kos pengangkutan dari kilang ke pelabuhan, memang jelas bahawa ada perbezaan di antara NSP di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Keduanya, dari segi faktor-faktor lain, seperti komisen untuk agen atau pengedar-pengedar dan pengilang-pengilang di Sabah, ada hujah-hujah yang mengatakan bahawa kos sara hidup di Sabah dan Sarawak yang tinggi dan juga jualan kereta yang berkurangan, sekiranya dibandingkan dengan Semenanjung memungkinkan mereka memohon komisen yang lebih tinggi sedikit. Dari segi jumlah yang saya ada di hadapan saya, untuk model Proton Wira tadi, jumlah komisen untuk Semenanjung ialah 1.2%, tetapi untuk Semenanjung hanya 2% iaitu 0.8% lebih daripada yang di Semenanjung. Tetapi seperti yang saya

sebutkan tadi bahawa kerajaan adalah dalam proses untuk menyeragamkan NSP bagi meliputi seluruh negara, insya-Allah, kajian akan dibuat dan sekiranya Ahli Yang Berhormat memperolehi maklumat-maklumat yang dapat membantu kita, saya mengalu-alukan maklumat tersebut.

Mengenai soalan kedua, iaitu masa menunggu untuk keluaran kereta Proton dan juga harga kereta 'second-hand' tadi, memang kerajaan tidak boleh mengelak dari suasana atau environment, dengan izin, dan kehendak pasaran. Kita sedang berusaha untuk mengingatkan bahawa pengeluar-pengeluar dan syarikat-syarikat yang terbabit supaya memastikan jumlah harga yang lebih dari harga keluaran tidak akan berlaku. Terima kasih.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan harga ada kaitan dengan komponen yang diimport, adakah MITI berpuas hati dengan tahap kegunaan komponen-komponen Proton buatan Malaysia?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang kementerian berpuas hati dengan paras komponen-komponen tempatan. Sebagai contoh, tahap pencapaian kandungan tempatan bagi kereta-kereta nasional untuk 1984 adalah melebihi 50% bagi kereta Perodua Kancil, manakala bagi Proton pula mencapai puratanya melebihi 78% untuk kereta-kereta Proton Wira dan Perdana.

Dari segi komponen-komponen tempatan pula atau jenis komponen kendaraan tadi, komponen roda keluaran tempatan ialah pada paras 79%, komponen enjin—43%, komponen transmisi—10% dan komponen sistem brek—20%.

Mengenai jenis-jenis komponen seperti yang saya sebutkan tadi di mana keluaran tempatan agak kecil, pengusaha tempatan telah membuat percubaan untuk mengeluarkan jenis komponen yang diimport tetapi proses ini memakan belanja yang banyak dari segi perbelanjaan modal dan latihan bagi pekerja-pekerja mereka. Tambahan pula, jumlah pengeluaran bagi pasaran dalam negeri tidak mencukupi, maka ianya menyebabkan bahawa keluaran barangan-barangan tempatan ini tidak ekonomik.

#### **“SILAMBAM”—PROJEK RAKAN MUDA**

**12. Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan di bawah projek Rakan Muda, “Silambam” telah diakui sebagai satu seni mempertahankan diri di dalam negara kita. Bolehkah pihak kementerian menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk seni ini serta langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, “silambam” adalah salah satu aktiviti di bawah program Rakan Waja Diri. Sambutan dari pertubuhan seni bela diri ini amatlah menggalakkan. Jumlah ahli yang mendaftar berjumlah 15,310 orang. Bilangan anak muda menyertai aktiviti ini terus meningkat.

Kementerian memang ada menyediakan peruntukan untuk membantu pelaksanaan program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan seni bela diri di bawah program Rakan Muda/Rakan Waja Diri. Peruntukan yang disediakan bagi

ahun 1995 untuk program Events dan Aktiviti di bawah program Waja Diri dianggarkan RM3 juta.

Walau bagaimanapun, jumlahnya tidak ditentukan untuk sesuatu jenis seni bela diri. Bantuan ditimbang dan diluluskan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan kepada jabatan dan kementerian dari satu masa ke satu masa. Dalam usaha untuk memastikan program pembangunan semua aktiviti seni bela diri, kementerian menjalankan program promosi dan publisiti untuk meramaikan ahli.

Kementerian juga membantu persatuan-persatuan seni bela diri menganjurkan kursus-kursus pembangunan kejurulatihan dan pengendalian di samping membantu memantapkan semua persatuan seni bela diri serta mengadakan kemudahan gelanggang dan peralatan. Kementerian juga menggalakkan persatuan seni bela diri menguruskan pertandingan dan kejohanan bagi menarik minat anak muda menyertai aktiviti seni bela diri.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan integrasi nasional ini, adakah kementerian bercadang, kerana kita tengok kaum India ada "silambam", Tionghua ada taici, kungfu dan juga kuntau. Orang Melayu ada silat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang supaya orang Melayu belajar kuntau, taici dan orang Cina atau Tionghua belajar silambam? Jadi, kita satukan supaya setiap rakyat Malaysia ini memahami di antara satu sama lain. Jadi, kalau apa-apa mempertahankan diri pun, hak silat boleh pertahan cara silat dan silambam.

(Ketawa) Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu jenis gabungan seni mempertahankan diri ini supaya semua rakyat Malaysia boleh mengambil serta dalam Rakan Muda ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri ini di peringkat wanita-wanita dan juga kanak-kanak di sekolah-sekolah? Kerana hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak belajar judo, kena belanja banyak. Yang ada duit, baru boleh pergi belajar judo. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya peringkat kanak-kanak di sekolah ini, diberi banyak lagi peruntukan supaya seni mempertahankan diri ini menjadi satu seni untuk mengeratkan silaturrahim di antara rakyat Malaysia?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan tahniahlah di atas cadangan yang begitu bernas. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, gabungan di antara komuniti telah pun dijalankan. Setakat yang mana kita ketahui, tidak ada mana-mana persatuan seni bela diri yang terhad kepada satu kaum.

Saya pun dapat cerita bahawa di Kedah sendiri ada ramai peserta dari kaum Melayu mempelajari seni silambam ini dan ada kaum Cina pula yang pandai mempraktikkan seni silat. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian dan akan mempertingkatkan promosi di antara kaum.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini peserta yang telah pun mendaftar untuk Rakan Waja Diri adalah seramai lebih kurang 200 ribu orang dan ini adalah satu petanda baik di mana dapat kita merumuskan bahawa kerjasama di antara kaum, dengan izin, is maintained.

Untuk menjawab soalan yang kedua, di mana Ahli Yang Berhormat telah pun menyarankan bahawa kita patut menggalakkan wanita dan kanak-kanak untuk lebih ramai mempelajari seni bela diri ini. Saya pun bersetuju dengan saranan itu dan insya-Allah, pihak kementerian akan mengambil iktibar dan saya kira Kementerian Pendidikan di mana saranan ini lebih ada kena mengena, saya rasa mereka pun mengambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 13 hingga 33 akan dijilid dalam buku berasingan.)*

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Kematian Lee Guat Leong Semasa Di Dalam Tahanan Polis—Sikap Berat Sebelah Laporan Penyiasatan Pihak Polis**

3.37 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan mengemukakan satu Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang Parlimen merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai sikap berat sebelah pihak polis semasa menjalankan penyiasatan ke dalam kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis dan

pemimpin-pemimpin kerajaan sebagaimana yang telah ditonjolkan oleh keputusan Peguam Negara menolak keputusan penyiasatan-penyiasatan pihak polis ke atas kematian Lee Guat Leong yang meninggal dunia semasa berada di dalam tahanan polis pada 12hb Mei serta satu senarai kes yang panjang mengenai sikap berat sebelah pihak polis atas sebab-sebab berikut:

- (i) Pada 10hb Oktober 1995, Peguam Negara, Dato' Mohtar Abdullah mendedahkan dan menerangkan sebab mengapa beliau telah menolak hasil siasatan pihak polis ke atas kematian mekanik sistem penyaman udara yang ditahan di dalam lokap polis di Jalan Ipoh pada 12hb Mei 1995 dan telah mengarahkan supaya dijalankan satu siasatan badan kehakiman untuk mengenal pasti identiti pesalah yang menyebabkan kematian Lee Guat Leong di dalam lokap polis serta menjelaskan segala kesangsian berkenaan dengan kes tersebut.

Dato' Mohtar Abdullah mendedahkan bahawa pejabatnya telah menolak laporan-laporan siasatan polis ke atas kematian Lee Guat Leong yang pada mulanya diklasifikasikan sebagai kematian tiba-tiba dan seterusnya diklasifikasikan semula sebagai kes pembunuhan sebanyak tiga kali kerana pihak polis gagal mematuhi arahan spesifik untuk menumpukan penyiasatan mereka ke atas pegawai ataupun pegawai-pegawai

polis yang dapat akses dengan simati di dalam pusat tahanan yang berkenaan.

Peguam Negara menjelaskan bahawa dalam bahasa orang biasa. Penasihat Patologi Forensik Hospital Kuala Lumpur mengatakan bahawa kematian Lee adalah diakibatkan oleh pendarahan yang berpunca daripada pukulan dengan benda atau senjata tumpul di kebanyakan bahagian tubuh badannya.

Keputusan peguam Negara dalam kes Lee Guat Leong telah membangkitkan persoalan penting mengenai sikap berat sebelah pihak polis semasa menyiasat kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis serta pemimpin-pemimpin kerajaan apabila dibandingkan dengan kes-kes yang melibatkan pemimpin-pemimpin pembangkang, pengkritik kerajaan serta rakyat biasa sebab sekiranya Peguam Negara tidak berkeyakinan dan tidak berkeyakinan, bagaimanakah rakyat biasa akan berkeyakinan mengenai kebebasan, keadilan dan integriti pihak polis semasa menjalankan tugas-tugas penyiasatan mereka?

- (ii) Kes Lee Guat Leong bukanlah satu-satunya kes yang telah dibangkitkan mengenai sikap berat sebelah polis semasa menangani kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis dan

pemimpin-pemimpin kerajaan. Kes yang lain termasuklah penyiasatan pihak polis ke atas Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez mengenai Memorandum Tenaganita atas kematian, penyalahgunaan kuasa serta layanan kejam yang dihadapi oleh para pekerja asing yang ditahan di dalam kem-kem tahanan imigresen.

Bagaimanakah pihak polis dapat berharap orang ramai berkeyakinan dengan keadilan, kebebasan serta integritinya sedangkan polis sendiri harus dijadikan subjek penyiasatan bebas dan bukannya memainkan peranan penyiasat.

- (iii) Wujudnya satu senarai kes-kes yang panjang yang menonjolkan sikap berat sebelah pihak polis semasa menangani kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis dan pemimpin-pemimpin kerajaan. Saya telah menyebut 6 kes yang sedemikian di dalam Memorandum yang telah diserahkan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor di Bukit Aman pada hari Khamis, 18hb. September 1995, antaranya termasuk:

- (a) cara polis mengendalikan dakwaan media massa Australia pada awal 1994 bahawa ahli politik Malaysia menerima rasuah mengintip Australian Secret Intelligence Service (ASIS).

Ketua Polis Negara serta penyiasat-penyiasat pihak polis telah hilang minat mereka terhadap kes ini apabila laporan seterusnya dari media massa Australia menjejaskan bahawa mereka yang terlibat dalam penerimaan rasuah ASIS ini bukannya Ahli Parlimen parti-parti pembangkang, tetapi Ahli-ahli Parlimen UMNO serta ahli-ahli politik kerajaan;

- (b) polis melakukan double standard dengan mendakwa Ahli Parlimen DAP dari Kota Melaka, merangkap Pengerusi Kebangsaan DAPSY, Encik Lim Guan Eng di bawah Akta Percetakan Akhbar dan Penerbitan dengan alasan beliau menyebarkan berita palsu berhubung dengan pendedahan isu bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, tetapi gagal melakukan yang sama terhadap berita palsu yang disebarkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap saya semasa kempen pilihanraya umum dan yang telah dijadikan bahan laporan polis.
- (c) kegagalan pihak polis hingga ke hari ini untuk mengambil sebarang

tindakan menggantung kerja, menangkap serta mendakwa pegawai FRU yang dengan terbuka dan ganasnya menyerang Setiausaha DAPSY, Ronnie Liu, di Taman Aman, Petaling Jaya pada 18hb. September yang dengan tenanganya bertanya pegawai FRU sama ada mereka ada kuasa undang-undang untuk melaksanakan tugas merobohkan rumah-rumah di kawasan berkenaan. Empat hari selepas Rannie Liu dipukul dengan ganasnya, Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan perintah supaya segala kerja perobohan di Taman Aman diberhentikan;

- (d) kegagalan polis mengambil tindakan terhadap kegiatan gangster tidak mematuhi undang-undang serta keganasan yang dilakukan oleh Wakil Rakyat MIC serta pemimpin-pemimpin terhadap pemegang-pemegang saham MAIKA dan pegawai-pegawai DAP dengan tujuan menutup fakta sebenar skandal saham Telekom MAIKA dirampas pada 1992;
- (e) double standard polis semasa mengendalikan kes Tan Sri Rahim Tamby Chik dengan

- budak perempuan berumur 14 tahun, di mana untuk lapan hari pertama, perempuan tersebut telah ditahan secara haram oleh polis tanpa kebenaran ataupun diketahui oleh ibu bapa beliau, sementara Tan Sri Rahim Tamby Chik pula tidak ditahan;
- (e) penafian Ketua Polis Negara selepas menamakan Tan Sri-Tan Sri serta Datuk-Datuk di dalam kes sex-for-hiring di Kuala Lumpur yang melibatkan personaliti-personaliti televisyen.
- (iv) Ada lagi senarai panjang mengenai kes-kes sikap berat sebelah pihak polis semasa mengendalikan masalah-masalah peneroka bandar, terutama sekali apabila laporan-laporan polis telah dibuat terhadap pegawai-pegawai polis sebagaimana yang dinyatakan berikut ini:
- (a) Dengan persubahatan polis; dua pemimpin pekerja di Temerloh iaitu Nadesan a/l Munisamy dan Dharmakoundar Munisamy telah dijadikan mangsa di mana mereka telah ditahan di bawah Perintah Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Penjenayah) pada Januari 1994 dan seterusnya dikenakan 2 tahun buang daerah, seorang di Bahau dan seorang lagi di Banting.
- Beberapa aduan rasmi telah pun dihantar ke Bukit Aman mengenai pegawai-pegawai tertentu yang bersubahat memerangkap dan memangsakan Nadesan dan Dharmakoundar, tetapi hingga hari ini, tiada sebarang tindakan yang telah diambil;
- (b) di dalam perselisihan panjang yang berlaku di antara peneroka-peneroka bandar di Kampung Chubadak Tambahan dengan pemaju yang hendak membina kondominium di kawasan Sentul di Kuala Lumpur, beberapa aduan rasmi juga telah dihantarkan ke Bukit Aman mengenai sikap berat sebelah sesetengah pegawai polis, tetapi hingga hari ini, masih tiada sebarang tindakan yang diambil;
- (c) di dalam pertikaian di antara pemaju dan peneroka bandar di Kampung Kerinci, Kuala Lumpur, pihak polis berpihak kepada pemaju dan ramai peneroka bandar yang merupakan mangsa ancaman, malah serangan pula ditangkap. Apabila laporan dibuat terhadap polis mengenai keganasan ataupun ketidak bertanggungjawapan

mereka, pihak polis menangkap serta berkali-kali mengganggu mereka yang membuat laporan polis;

- (d) pada 16hb Disember 1994, pada kira-kira jam 3.00 pagi, lebih kurang 12 orang dari sekumpulan pegawai polis dari Bukit Aman dengan tiba-tiba telah mengunjungi ke Braemer Estate, Batu 13, Cheras, mencerobohi 5 buah rumah dan meminta orang di kawasan berkenaan mematuhi permintaan sipemaju dengan mengosongkan kawasan berkenaan walaupun penduduk di situ tidak pernah menerima sebarang notis pemindahan rasmi. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap polis di dalam perkara ini, tetapi tiada sebarang tindakan yang telah diambil.
- (v) Parlimen mestilan peka terhadap kegelisahan orang ramai mengenai sikap berat sebelah pihak polis semasa melakukan penyiasatan ke atas kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis serta pemimpin-pemimpin kerajaan dan mengambil peluang yang pertama di Parlimen untuk menumpu ke atas kegelisahan sedemikian.
- (vi) Cara yang paling baik bagi Parlimen untuk menunjuk-

kan kepekaan dan keprihatinannya adalah dengan mengarahkan kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan di Raja ke atas semua kes dan aduan mengenai sikap berat sebelah pihak polis semasa menyiasat kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai polis serta kes-kes yang melibatkan pemimpin-pemimpin kerajaan apabila dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin pembangkang, pengkritik kerajaan serta rakyat biasa, demi mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan, keadilan dan integriti pihak polis sebagai penjaga undang-undang dan ketenteraman di negara ini.

sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada pagi ini jam 8.00 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidaklah perlu disegerakan dengan kerana suatu penyiasatan yang berasingan telah pun diambil oleh pihak Peguam Negara dengan menubuhkan satu badan penyiasatan kehakiman bagi menyiasat kes ini. Oleh itu, adalah tidak wajar perkara ini untuk dibahas kerana tindakan yang sesuai telah pun diambil. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. (*Tepuk*)

#### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)(No. 2) 1995

##### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan 2)(No. 2) 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibawa kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG AKTA PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) (No. 2) 1995

##### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi

tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### USUL

#### Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan- Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 1995)— Penerimaan Dewan

3.45 ptg.

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat adalah suatu instrumen Parlimen yang dijadikan panduan untuk mengendalikan Mesyuarat dan seterusnya memastikan Mesyuarat berjalan dengan baik dan teratur.

Selaras dengan perkembangan politik semasa dan pertambahan Ahli Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula kawasan pilihanraya, maka wajarlah beberapa pindaan dibuat ke atas Peraturan Majlis ini terutama sekali agar ia konsisten dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

**Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat Yang Berhormat memberitahu saya kerana kita semua di dalam jawatan, tidak bolehlah kita sentuh ataupun mencadangkan usul ini. Patut kita beri orang yang lain yang berkecuali. itu saranan daripada Yang Berhormat sendiri.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya

membentangkan peraturan ini untuk dibahaskan di Dewan ini. Kalau tidak ada orang bentang, perkara ini tidak boleh dibahaskan. Jadi, saya fikir apa yang saya lakukan adalah selaras dengan peraturan yang terkandung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Sila.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan sebelum saya cuba "dikepung" oleh wakil yang selalu "terkepung". Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuan pindaan ini dibuat adalah:

- (i) Untuk memperuntukkan supaya adanya seorang Ketua dan Timbalan Ketua Majlis serta seorang Ketua Pembangkang bagi tujuan menyelaraskan perjalanan mesyuarat.
- (ii) Mempertingkatkan lagi komitmen kerajaan kepada isu-isu yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia apabila semua Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi tekanan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.
- (iii) Memberi kuasa yang lebih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menanggung Dewan yang mulia ini tanpa mengemukakan masalah tersebut untuk diputuskan.
- (iv) Memastikan sesuatu pertanyaan bagi Jawapan Mulut tidak boleh dikemukakan daripada dua pertanyaan yang berlainan atau gabungan daripada dua pertanyaan. Ini juga akan dapat membantu Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan sama ada pertanyaan-pertanyaan itu relevan atau tidak dengan pertanyaan asal. Pindaan ini juga akan mengkhususkan supaya sesuatu soalan itu hanya ditujukan kepada satu kementerian sahaja.
- (v) Memastikan soalan-soalan tambahan tidak dikemukakan lagi sekiranya Menteri menyatakan bahawa soalan berkaitan telah pun dijawab pada mesyuarat yang lepas dalam penggal yang sama. Pindaan ini juga tidak membenarkan soalan tambahan mempunyai beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan.
- (vi) Menetapkan supaya apabila Ahli-ahli Dewan membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, maka hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang itu sahaja dibenarkan untuk disentuh dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk.
- (vii) Memberi kuasa kepada Pengerusi untuk tidak membenarkan Ahli-ahli Dewan bagi mendapatkan penjelasan perkara yang sedang diucapkan atas alasan untuk menjimatkan masa atau pada pandangan Pengerusi, penjelasan yang dipohon itu hanya untuk mengganggu Ahli berkenaan berucap macam mana yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

- (viii) Memberi kuasa yang lebih kepada Pengerusi Mesyuarat dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat supaya mesyuarat sentiasa berjalan dengan baik dan teratur tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Dengan pindaan ini, Pengerusi adalah diberi kuasa untuk memerintahkan mana-mana ahli yang berkelakuan menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan arahan Pengerusi, keluar daripada Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi 10 hari. Sekiranya Pengerusi tidak menyatakan tempoh, tempoh yang dimaksudkan adalah untuk dua hari iaitu termasuk hari kejadian. Sekiranya Pengerusi berpendapat hukuman yang telah diberikan sebelum ini tidak memadai, Pengerusi boleh menggantung keahlian yang berkenaan.
- (ix) Membolehkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan dibentang dan disokong dalam satu masa secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasannya sebagaimana terkandung dalam kertas yang telah pun dibentangkan iaitu DR. 2 Tahun 1995 (*Lampiran A dan Lampiran B*).

Akhir sekali, sebagai kesimpulannya boleh dikatakan bahawa secara amnya pindaan ini adalah untuk memperkemas Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat supaya ianya konsisten dengan peruntukan

perlembagaan di samping menjadikan urusan perjalanan mesyuarat lebih sempurna, licin dan teratur.

Dengan pindaan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Majlis diberikan kuasa yang lebih bagi memudahkan perjalanan mesyuarat dan bagi mengawal dengan secara teratur dan bersopan perilaku Ahli-ahli Dewan yang melampaui batas dan seterusnya mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya. Ia juga memberi kuasa dan komitmen kepada Menteri mengenai apa-apa pertanyaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya hanya ingin membuat sedikit pembetulan iaitu di **Lampiran D** muka surat 6 berkenaan pindaan Peraturan 57, para 2, saya minta supaya ianya dimansuhkan oleh kerana ada kesilapan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang dicadang, apa yang ditarik balik? Sebut apa itu?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tengok Lampiran B, dalam Lampiran B muka surat 6, berkenaan pindaan Peraturan 57, yang betul hanya para 1, yang para 2 itu tidak timbul langsung oleh kerana peruntukan Perlembagaan menyediakan bahawa suatu undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam jangka masa satu bulan kalau ianya

tidak dikembalikan menjadi undang-undang, tidak perlu dikembalikan balik. Jadi, perkara ini tersilap masuk di dalam salah satu daripada alasan yang telah diberikan. Jadi, bukan pindaan yang saya buat, hanya saya mansuhkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum itu saya hendak bertanya, adakah pindaan itu ada di atas meja, pindaan kepada Kertas Dewan Rakyat 2/95 ada dikemukakan?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Pindaannya? Pindaannya sebagaimana yang di atas itu, DR/2/95 lepas itu baca dengan apa di situ. Saya belum kemukakan. Selepas saya duduk mencadangkan ini dulu, selepas itu saya akan minta lagi untuk mengusulkan. Kalau Yang Berhormat sabar sedikit, boleh saya kemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Siapa menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti dulu Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya akan mencadangkan untuk lagi satu usul untuk meminda.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya usul yang saya kemukakan di atas dipinda sebagaimana yang dinyatakan di dalam

slip pindaan kepada DR 2/95. Pindaannya adalah seperti berikut:

**Muka surat 4 Pindaan Peraturan 18**

Peraturan Mesyuarat 18(2) dipinda seperti berikut:

“Tidak lebih 200 perkataan diganti dengan tidak melebihi 2 muka surat kertas fulskap kertas A4”.

Peraturan Mesyuarat 18(3), (4) dan (5) dipotong dan dikekalkan peruntukan asal.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 7 Pindaan Peraturan 22, Peraturan Mesyuarat 22(4) dipotong dan dikekalkan peruntukan asal.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan cadangan pindaan kepada DR 2/95 untuk disokong dan dibahaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa usul ini dipinda dengan pindaan seperti mana yang disebutkan tadi itu terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Tanjong 4.04 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh 26 tahun saya sebagai seorang Ahli Parlimen, hari ini saya bangun untuk kali yang pertama dengan menyuarakan kemarahan serta rasa terkejut saya terhadap layanan yang ditunjukkan oleh kerajaan terhadap para Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Sungguhpun mereka tidak berani untuk marah, tidak ada tulang belakang. (*Tepuk*) Parlimen kali ini merupakan Parlimen Kesembilan sejak merdeka dan selepas tempoh 40 tahun ia seharusnya menunjukkan kematangan yang lebih menonjol di

dalam sistem demokrasi berparlimen, di mana perhubungan di antara kerajaan dan Parlimen harus dibentuk dengan sewajarnya. Tambahan lagi parti-parti pemerintah telah mendapat kemenangan begitu besar dalam pilihanraya umum baru-baru ini membolehkan mereka menguasai 5/6 kerusi di dalam Dewan Rakyat dan rakyat jelata masih dapat mendengar jaminan-jaminan yang disuarakan oleh para pemimpin kerajaan bahawa mereka tidak akan menyalahgunakan kuasa yang dimandatkan dan mekanisma check and balance di dalam sistem kerajaan tidak akan terancam selepas parti-parti pembangkang kalah dengan teruk.

Mesyuarat Belanjawan Parlimen sepanjang 39 hari bermula hari ini tetapi ia telah menunjukkan bahawa kesemua harapan, jangkaan serta jaminan yang telah diberi hanyalah kata-kata kosong dan illusion belaka. Pertama sekali, sampai ke pagi ini baru saya menerima Aturan Urusan Mesyuarat. Nasib ini sama sahaja untuk semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira daripada Pembangkang atau dari Barisan Nasional. Tetapi Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak ada tulang belakang. (*Tepuk*) Tidak berani untuk protes, diam-diam tidak ada hak duduk di dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

Pada hari Sabtu dan Ahad, hingga ke tengah malam, saya telah cuba menghubungi bangunan pejabat Parlimen untuk mendapatkan Aturan Urusan Mesyuarat ini, tetapi gagal kerana Aturan Urusan Mesyuarat ini hanya sampai pada pagi ini sahaja. Oleh sebab semua Ahli Parlimen dimestikan menghantar pertanyaan-pertanyaan mulut serta usul-usul mereka kepada pihak Parlimen sebelum 29 September, maka kita harus

diberi tempoh seminggu sebelum Parlimen mula bersidang untuk meneliti dan mengetahui urusan apa yang akan berlangsung supaya berpeluang membuat persiapan secukup-cukupnya. Selain daripada Ahli-ahli Parlimen tidak perlu buat persiapan, yes men, no men, atau barulah boleh datang ke sini untuk bising-bising semacam tadi. Sekiranya semua Dewan Undangan Negeri di negara ini dapat menghantar Aturan Urusan Mesyuarat mereka seminggu sebelum mesyuarat bermula kepada ahli-ahli mereka, mengapakah Parlimen tidak mampu melakukan yang sama. Yang lebih dahsyatnya mengapa Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak berani untuk menuntut hak ini.

Dalam 26 tahun pengalaman saya di Parlimen, tidak pernah saya menemui insiden sebegini di mana Aturan Urusan Mesyuarat hanya diberikan kepada Ahli Parlimen pada hari mesyuarat bermula yang merupakan penghinaan (*contempt*) ke atas Parlimen dari semua parti politik termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, jaga martabat sendiri.

Setiap hari kita bercakap mengenai Wawasan 2020, mengenai era sains, teknologi dan zaman informasi.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sekadar hanya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat cuba menggambarkan semacam ada satu perancangan, semacam ada satu motif yang buruk untuk mencemar nama Dewan dan nama Ahli Parlimen.

Saya hendak bertanya, adakah kemungkinan perkara ini berlaku oleh kerana ada perkara-perkara teknikal, bukan satu perkara yang dirancang oleh Dewan atau Urusetia Dewan? Seandainya katalah mesin yang mencetak rosak, seandainya ini berlaku—kira tidak tahu. Sekiranya ini berlaku, adakah perkara yang dibangkitkan ini mungkin 'over play'? Dengan izin. Saya menghormati sebab Yang Berhormat kata sudah 27 tahun menjadi Ahli Dewan, seandainya ini berlaku, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentulah ini sikap 'pihak yang memerintah'. Apabila berlaku bencana Highlands Tower, bencana Genting Highlands, bencana Tawau Air flight, oh! Tidak ada perancangan—teknikal, mahu cari 'scapegoat' sahaja. Ini menunjukkan satu sikap yang sangat dirasakan kesal.

Yang pertama, kenapa kita boleh membenarkan satu keadaan di mana oleh kerana kalau benar ada masalah teknikal, saya tolak, saya tidak terima. Selain daripada ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kelewatan mengemukakan Aturan Urusan Mesyuarat ialah teknikal, siapa yang mengemukakan soalan, kemungkinan itu tidak ada sikap yang bertanggungjawab.

Yang kedua, kita sebenarnya tidak boleh membenarkan satu keadaan di mana Aturan Urusan Mesyuarat diberikan kepada Dewan pada hari Sabtu, dua hari sebelum mesyuarat, kenapa? Sepatutnya seminggu dahulu. Kalau inilah kelaziman dibuat, sungguhpun ada masalah teknikal, tentu tidak sampai hari ini barulah kita dapat Aturan Urusan Mesyuarat, tetapi apa yang mustahak ialah sikap itu, sikap daripada orang yang tidak perlu

menerima Aturan Urusan Mesyuarat oleh kerana sudah menjadi kelaziman bahawa tidak payah membuat apa-apa persiapan, datang ke Dewan ini oleh kerana tugas mereka ialah untuk membuat bising sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat. Yan, bangun.

**Tuan Lim Kita Siang:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yan!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah beberapa tahun, begitu lama Yang Berhormat berada di dalam Dewan Rakyat ini, baru hari ini kita terlewat mendapat notis dan sebagainya. Ini kadang-kadang perkara yang tidak dapat dielakkan. Kita boleh merancang Yang Berhormat, tetapi yang menentukan ialah Tuhan. Yang Berhormat sendiri biasa menaiki kereta, Yang Berhormat tidak merancang yang kereta Yang Berhormat itu akan berlanggar dan mengalami kemalangan, tetapi Yang Berhormat tempoh hari mengalami kemalangan, itu bukan dirancangan, bukan disengajakan. Begitu juga kita hari ini, kita sedang berbincang terutama sekali black-out, dengan izin.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk! Duduk!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hey! Lu diam-diamlah, lu celoklah! (*Ketawa*), dengan izin.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan cakap macam itu Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** .....tidak, saya hendak memberitahu tentang benda yang kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua kita tidak rancang, tetapi berlaku. Ini tidak dapat dielakkan. Jadi, kenalah faham, jangan marah, cool down! Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, then relax. We are doing something for country. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay! Saya mahu beri notis, saya tidak akan beri penjelasan kepada orang yang menyalahgunakan penjelasan ini—buang masa sahaja—tidak faham.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu beri jalan, tidak layak.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Duduklah! Duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah beri jalan, buang masa saya, buang masa Dewan, buang masa negara kalau beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Masalahnya ialah kita ada hak untuk mendapat Aturan Urusan Mesyuarat seminggu sebelum Parlimen bersidang, tetapi tidak faham, sebab itu tidak payah mahu cuba lagi, saya tidak mahu beri jalan. Selain daripada membuktikan kepada saya bahawa sudah lebih matang (*Ketawa*).....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yan! Jangan mencelah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, setiap hari kita bercakap mengenai Wawasan 2020, mengenai era sains, teknologi dan zaman informasi.

Kita seharusnya bergerak ke hadapan, tetapi nampaknya kita berundur pula dan tidak berupaya lagi melakukan kerja-kerja yang pernah dilakukan pada tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan.

Kedua, Ahli-ahli Parlimen tidak diberi sebarang notis mengenai Aturan Parlimen yang akan berlangsung pada hari ini dan ini termasuk juga semua Ahli-ahli Parlimen dari semua parti-parti politik, tidak kira pembangkang atau kerajaan.

Sebagai Ketua Pembangkang Parlimen, saya tidak pernah dirunding atau diberitahu oleh mana-mana menteri kerajaan bahawa kerajaan bercadang untuk meluluskan pindaan ke atas peraturan mesyuarat secara tergesa-gesa, sebagai perkara pertama di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Saya juga tidak tahu-menahu mengenai pindaan-pindaan baru yang berlaku ke atas peraturan mesyuarat hingga hari ini, walaupun saya mengalu-alukan pindaan-pindaan ini. Isu prinsip terlibat di sini ialah tradisi Parlimen, di mana notis diberikan sebelum sebarang perkara, urusan Parlimen hendak dimulakan ataupun dibangkitkan untuk perbincangan. Malang sekali menteri-menteri kerajaan tidak memegang kepada tradisi dan budaya Parlimen ini atau memahami kepentingan serta tujuan, notis Parlimen. Peraturan di mana notis diberikan sebelum sesuatu perkara dimulakan di Parlimen adalah untuk membolehkan para Ahli Parlimen menyumbang dalam proses membuat keputusan di dalam Dewan yang mulia ini. Ia membolehkan mereka menumpukan fikiran ke atas perkara yang dicadangkan itu, mendapatkan pandangan-pandangan para ahli

mereka atau pakar-pakar yang berkenaan, malah pihak berwibawa yang lain, terhadap perkara berkenaan bagi mengemukakan pandangan mereka yang menyeluruh dan yang telah difikir secara mendalam.

Saya percaya, sungguhpun ramai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak mahu buat homework, tidak payah tahu apa-apa yang mahu diluluskan, tunjuk tangan dan kaki otomatis, tentu ada segelintir Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional perlu masa sedikit untuk membuat persiapan, bukan semua semacam 'Yan'. Yang Berhormat Menteri-menteri yang tidak memberikan notis awal mengenai urusan Parlimen yang akan berlangsung supaya para Ahli Parlimen mempunyai masa yang secukupnya untuk membuat persediaan menyertai perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya telah menghina Parlimen, menganggap Parlimen sebagai rubber stamp kepada kerajaan sahaja. Ahli-ahli Parlimen terutama sekali dan dari pihak kerajaan hanyalah 'Yes men' dan 'Yes women'.

Oleh sebab para Ahli Parlimen tidak menerima notis awal mengenai perkara pertama di dalam urusan Parlimen hari ini, di mana pindaan akan dilakukan ke atas peraturan mesyuarat, maka saya dengan seriusnya mencadangkan supaya perbahasan atas usul ini ditangguhkan hingga ke esok hari supaya keadilan dinikmati oleh semua Ahli Parlimen yang ingin berucap mengenai usul ini. (*Tepuk*) Relakah? Yang Berhormat Menteri (kepada Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar) untuk menangguhkan ke hari esok supaya kita boleh membuat persiapan. Saya pun belum ada masa untuk membuat persiapan, buat separuh sahaja. Rela? Besok kita boleh bahas, bukan tidak

ada urusan-urusan yang lain, ada usul-usul yang lain, yang menunggu bangun. Rela?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak payah jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Serious suggestion!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengelakkan kepada membuat apa-apa perkara yang berbau politik atau mencari keuntungan politik di dalam membincangkan perkara ini (*Boo*) di dalam membincangkan perkara ini bagaimana yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong (*Disampuk*)..... Dengarlah dahulu. Tadi dikatakan matang, itu macam bunyi lain sahaja (*Ketawa*).....

**Seorang Ahli:** Yang bercakap itu tidak matang!

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah bentangkan ini pada 17hb Ogos. Jadi, soal satu hari lagi, soal tidak cukup masa tidak berbangkit. Banyak masa yang telah diberikan, hanya kita memandangkan apa yang diminta oleh Yang Berhormat sendiri, daripada komen Yang Berhormat sendiri, kita tarik peraturan itu pada sesi yang lalu kita bawa kepada sesi ini dan membuat beberapa pindaan setelah mengambil kira pandangan dan pendapat. Ini menunjukkan kita betul-betul mengamalkan demokrasi. Bukan macam DAP sana. (*Boo*).

**Seorang Ahli:** Marah betul!

**Tuan Lim Kit Siang:** Maknanya, ialah tolaklah! Kita tidak buat politik. Orang yang membuat politik hari ini

ialah backbenchers Barisan Nasional yang tidak faham betapa pentingnya perkara ini dan buat bising-bising. Sekarang mereka diam. Ini baik. Sekurang-kurangnya mereka belajar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Rompin bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap ada standard. Kalau tiada standard lain kali saya tidak mahu beri jalan lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi Yang Berhormat ada lerleter sedikit. Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang backbenchers ini. Makin lama Yang Berhormat berleter, yang lain itu macam burung—ya, sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi yang buat bising-bising—siapa yang membuat bising? Kalau Yang Berhormat ada membuat bising, maka ia pun termasuk Yang Berhormat jugalah. Kalau tidak, tidak termasuk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payahlah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apakah yang dimaksud oleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sudah cukup, semua sudah faham. Yang Berhormat seorang Engineer, tidak faham, saya pun tidak tahulah. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tanjong, hendak beri jalan?

**Tuan Kim Kit Siang:** Tak payah

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau tidak,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Cukup kuasa, 'enough power'lah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini kuasa yang di Pulau Pinang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Pulau Pinang tiada kuasa, black out! Jangan datang ke Pulau Pinang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Robot power! (*Ketawa*) Okay?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi saya ada mencadangkan supaya ditangguhkanlah perbahasan ini. Bukannya Parlimen tidak ada lain-lain urusan untuk dibincangkan selain daripada pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat ini kerana DAP telah memberikan notis lebih daripada dua minggu mengenai 6 usul yang ingin dibangkitkan termasuklah usul mengutuk tindakan Perancis menyambung ujian nuklear.

Saya merasa amat kecewa dengan sikap kerajaan terhadap Parlimen yang ditunjukkannya secara jelas dalam cara ia menentukan keutamaan semasa membentuk Jadual Urusan Parlimen. Tadi Yang Berhormat kata, antara sebab yang perlu diadakan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ialah oleh kerana kerja mempersempadankan semula kawasan-kawasan Parlimen dilakukan. Saya tidak faham apa hubung-kait redelinbeation of constituency dengan pindaan kepada peraturan-peraturan Dewan Rakyat. Boleh jelaskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat,.....

**Seorang Ahli:** Waktu menggulung mesti dijelaskan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ini bukan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, bukan. Ini saya faham. Ini out of line blue.

**Dato' Syed Hamid bin Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Tanjong tidak membaca perkara ini dan dia suruh kita setengah-setengah..... Susah! Yang sebenarnya Yang Berhormat tidak membuat homework, sebab itu dia minta ditangguhkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab tidak mahu bagi masa! Oleh kerana kerajaan tidak mahu beri masa!

**Dato' Syed Hamid bin Jaafar Albar:** Kalau Yang Berhormat tidak buat kerja, saya tidak boleh buat kerja untuk Yang Berhormat! Tetapi dalam menggulung nanti saya akan jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh. Parlimen sebenarnya mesti membuktikan bahawa ia berupaya bertindak terhadap cabaran-cabaran dan permintaan-permintaan masa dan keadaan yang berubah-ubah. Keutamaan pertama ahli-ahli Parlimen adalah untuk memperkukuhkan lagi kedudukan prestige Parlimen di peringkat kebangsaan serta antarabangsa dengan memperkuat tradisi demokrasi di Malaysia dan menjadikan penentu pendapat (opinion setter) di dalam hal ehwal antarabangsa dan bukannya mencari jalan untuk merosakkan fungsi check and balance Parlimen terhadap kerajaan yang sebenarnya merupakan motif asas pindaan-pindaan ini.

Sekiranya para Ahli Parlimen merasai keprihatinan dan keutamaan yang serupa, maka perkara pertama di dalam Urusan Parlimen hari ini haruslah merupakan satu usul yang mengutuk tindakan Perancis yang meneruskan ujian nuklear mereka serta meminta Presiden Perancis Chirac serta kerajaan Perancis supaya mem-berhentikan segala ujian selanjutnya di

Pasifik Selatan demi mencapai tiga objektif utama:

- (i) menjadi Parlimen pertama di dunia yang membantah tindakan Perancis meneruskan ujian nuklear dan meminta dihentikan kesemua ujian-ujian yang telah dijadualkan. Dengan ini membolehkan Parlimen Malaysia menjadi penentu pendapat (opinion setter) di dalam hal ehwal antarabangsa.
- (ii) memperkuat lagi kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau berucap di Persidangan Kemuncak NAM di Colombia yang menyeru supaya semua kuasa-kuasa besar memberhentikan ujian-ujian nuklear mereka.
- (iii) mempengaruhi Persidangan Kemuncak NAM yang akan berlansung di Colombia dari 18hb. ke 20hb. Oktober 1995 dengan membantunya memperkuat pendirian meminta Perancis menghentikan ujian nuklear di Pasifik Selatan ataupun menghadapi pemulauan antarabangsa terhadap barangan dan perkhidmatan Perancis oleh 112 negara NAM.

Walaupun keputusan UMNO untuk mengadakan satu mesyuarat semua parti pada 26hb Oktober, 1995 untuk membantah tindakan Perancis menyambung semula ujian nuklear mereka adalah satu tindakan yang harus dipuji tetapi ia merupakan perkara yang berasingan terutama sekali mesyuarat berkenaan hanya berlangsung selepas Persidangan Kemuncak NAM dan tidak akan dapat memberi sebarang pengaruh ke atas persidangan tersebut tidak sama seperti satu usul yang diluluskan oleh Parlimen atas perkara yang sama pada

hari ini satu sebagai alternatif; Sekiranya semua ahli Parlimen tidak kira parti politik dapat mengkongsi objektif yang sama dan sama-sama ingin memperkukuhkan lagi prestige Parlimen di peringkat nasional, maka mereka harus menumpukan dan mengutamakan isu-isu seperti projek Bakun supaya membuktikan bahawa Parlimen relevan dengan hal-hal semasa yang diambil berat oleh rakyat jelata. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pulang dari lawatan beliau ke Amerika Syarikat pada hari Ahad ini telah mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia akan membekalkan informasi dan faktor yang tepat kepada Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore serta Kerajaan Amerika Syarikat mengenai projek Hidro Elektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion. Bagaimanapun,.....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, ya! Tanjong Karang bangun on point of order. Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang yang tidak faham Peraturan Mesyuarat, dia mahu pinda juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** 36(1). Saya hendak belajar daripada Yang

Berhormat yang sudah 26 tahun dalam Parlimen dan saya baru 6 bulan. Daripada perbahasan yang dibahaskan tadi, saya tidak nampak ada kaitannya dengan tajuk yang sedang kita bahaskan pada petang ini dan meleret sampai isu Bakun dan sebagainya. Peraturan 36(1) ini bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik. Saya akan buat keputusan. Saya rasa sekarang ini dalam perbahasan dasar dan Yang Berhormat boleh bangkitkan contoh. Tetapi jangan Yang Berhormat pergi jauh sangat daripada tajuk yang asal. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak mahu cakaplah. Orang tak faham, tak faham! Apa yang aneh ialah orang tak faham Peraturan Mesyuarat dalam Dewan ini untuk meminda Peraturan Mesyuarat. Outridges. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengadakan satu taklimat, satu kursus untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya faham Peraturan Mesyuarat. Jangan tunjuk kececekan mereka, kejahilan mereka.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Algore dan Amerika Syarikat menghendaki informasi dan fakta-fakta tepat mengenai projek Bakun, malah menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan rakyat jelata Malaysia sendiri juga menghendaki reformasi serta fakta tepat yang berkenaan. Ini penting terutama sekali tiada projek penswastaaan dan Bakun merupakan projek yang paling besar yang pernah diswastakan di dalam sejarah Malaysia yang dikagumi begitu banyak misteri dan rahsia sehinggakan menteri-menteri kerajaan Persekutuan dan negeri Sarawak telah berlagak seperti

orang bodoh dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah antara satu sama lain mengenai projek Bakun, dan kenyataan-kenyataan yang bercanggahan ini dapat dikumpulkan menjadi sebuah buku. Bagaimanapun, di dalam mesyuarat Parlimen yang lepas saya telah menghantarkan dua usul yang telah dicetak di atas Ajaran Usul Mesyuarat mengenai isu projek Bakun. Malangnya kerajaan serta Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak ada masa untuk membincangkan perkara-perkara tersebut.

Antara subjek kegemaran saya sejak mula memasuki Parlimen 26 tahun yang lepas adalah mengenai pembaharuan Parlimen, Parliamentary Reform, kerana kita memang perlu menodenkan proceeding dan prosedur Parlimen, termasuk meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat untuk menjadikan Parlimen kita lebih relevan dengan perubahan, keperluan dan masa di dalam era teknologi informasi kini. Antara contohnya adalah:

- (i) Membentuk Jawatankuasa Khas Pakar mengenai hal ehwal luar negeri, pertahanan kewangan dan ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi untuk menggalakkan Ahli Parlimen lebih menumpu kepada pengkhususan serta melibatkan lebih orang awam ke dalam proses pembentukan polisi dan membuat keputusan.
- (ii) Mengubahkan Perpustakaan Parlimen menjadi sebuah perpustakaan yang moden dan mutakhir dengan membekalkan kelengkapan-kelengkapan membuat kajian dan penyelidikan kepada para Ahli Parlimen dan dijadikan sebuah perpustakaan paling bagus di kalangan Parlimen negara dunia

ketiga yang dapat bersaing dengan perpustakaan-perpustakaan di Kongres Amerika Syarikat, House of Commons ataupun Parlimen Australia.

- (iii) Mendapat kemudahan internet supaya Parlimen dapat memberi kelengkapan informasi super-highway membolehkan rakyat jelata berhubung dengan Ahli Parlimen mereka melalui internet serta memainkan peranan utama dalam membangunkan infrastruktur informasi kebangsaan (national information infrastructure) supaya Malaysia berada di barisan depan revolusi teknologi reformasi.
- (iv) Pembaharuan di dalam prosedur, proceeding serta Peraturan Mesyuarat supaya Parlimen dapat memainkan peranannya sebagai cermin dan suara rakyat jelata.

Bagaimanapun, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat telah gagal dalam perspektif yang menyeluruh ini, apabila ia membuat keputusan mengenai pindaan ke atas 22 Peraturan Mesyuarat. Sebenarnya, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat tidak mungkin berfikir dengan sedalam-dalamnya mengenai implikasi mengenai cadangan-cadangan mereka dalam hanya satu mesyuarat yang berlangsung dalam hanya satu jam sahaja, iaitu dari 9.30 pagi ke 10.30 pagi, dan perkara ini memberikan satu tanggapan bahawa para Ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat hanyalah 'yes man' belaka. Ini kita boleh rujuk kepada Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat 17hb Julai 1995, Dewan Rakyat 2 Tahun 1995. Dan dalam satu jam, mungkin setengah jam minum tehlah dan berbual-bual, nothingness.

Yang Berhormat dari Kepong yang merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat tidak menerima sebarang notis awal mengenai pindaan yang dicadangkan sebelum mesyuarat bermula. Oleh sebab berlakunya pemutusan tenaga elektrik Kuala Lumpur, tidak ada power pada hari berkenaan, Yang Berhormat dari Kepong telah lambat sampai ke Parlimen, iaitu pada pukul 10.05 minit pagi. Di dalam mesyuarat berkenaan Yang Berhormat dari Kepong menyuarakan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu tidak dapat diterima dan meminta supaya masa yang lebih panjang diberikan untuk membuat kajian yang lebih mendalam. Pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat harus bertujuan untuk membentuk prinsip Parlimen, mengawal accountability kerajaan dan pentadbir dan bukan menghadkan dan merampas peluang-peluang, hak-hak dan kuasa-kuasa Ahli Parlimen sebagai pihak check and balance ke atas pihak pentadbir.

Saya pernah berkata bahawa saya mengalu-alukan pindaan-pindaan baru yang telah dibentangkan hari ini, usul dan pindaan di bawah nama Jawatankuasa Peraturan kepada pindaan-pindaan yang dikemukakan di bawah nama Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, tetapi saya masih ada dua keraguan besar. Pertama, mereka tidak menghapuskan pindaan-pindaan draconian dan tidak demokratik di dalam Peraturan Mesyuarat secara menyeluruh. Kedua, satu prinsip yang penting mengenai cara ketiga-tiga cara pindaan-pindaan baru ini berasal.

Saya akan berucap mengenai aspek kedua dahulu, oleh kerana aspek pertama akan disentuh apabila saya masuk ke butir-butir pindaan nanti.

Apa yang perlu diambil erti mengenai pindaan baru ini adalah ia tidak berhasil dari Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, tetapi merupakan hasil keputusan Kabinet. Ini adalah kerana selepas pindaan Peraturan Mesyuarat ditarik balik pada saat-saat terakhir mesyuarat yang lepas, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat tidak pernah mengadakan sebarang mesyuarat untuk menimbang semula cadangan pindaannya. Perkara ini dengan seriusnya telah merosakkan satu prinsip dan tradisi Parlimen, di mana Parlimen mesti membuat keputusan mengenai prosedurnya sendiri serta bertindak secara bebas dalam amalan-amalannya sendiri.

Oleh sebab Parlimen Malaysia tidak dibenarkan bertindak bebas dan membuat prosedurnya sendiri tanpa diganggu oleh kuasa luar, ini termasuk Kabinet, maka Parlimen Malaysia telah turun pangkat menjadi sebuah rubber stamp ataupun hanya merupakan salah satu jabatan kepada pihak pentadbir, eksekutif. Walaupun keadaan sebaliknya yang patut berlaku di mana eksekutif harus bertanggungjawab terhadap Parlimen. Perkara yang betul yang harus dilakukan adalah Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat mengadakan mesyuarat dan mengkaji semula cadangan-cadangan mereka, seterusnya mengemukakan pindaan-pindaan baru di bawah namanya sendiri. Sepatutnya ini dikemukakan bagi pihak Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan bukan atas nama Kabinet. Kalau begitu, apa guna adakan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Mengapakah keputusan terakhir mengenai sama ada dan bagaimana Peraturan Mesyuarat harus dipinda ini dibuat oleh Kabinet dan bukannya oleh

Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan tertakluk kepada keputusan mutakhir Parlimen. Selagi perkara-perkara Parlimen seperti pindaan kepada Peraturan Mesyuarat bukan dibuat oleh Parlimen, tanpa dirujuk kepada Kabinet, maka Parlimen Malaysia masih belum mencapai statusnya sebagai sebuah institusi yang matang bebas dan berdaulat. Saya tidak bermaksud bahawa menteri-menteri tidak boleh terlibat di dalam proses membuat keputusan di Parlimen (Parliament decision making process) kerana mereka sebenarnya merupakan Ahli Parlimen juga. Oleh sebab Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri masing-masing merupakan ketua dan timbalan ketua Dewan, maka mereka tidak dapat lari dari memainkan peranan sebagai ahli utama di dalam proses membuat keputusan di Parlimen. Bagaimanapun, proses membuat keputusan Parlimen harus dibezakan dengan jelas dari proses membuat keputusan di Kabinet. Dalam perkara yang membawa kesan ke atas prosedur atau hak keistimewaan Parlimen, kedua-dua proses decision making ini harus diasingkan dan bukan dicampuradukkan. Jika tidak, kita akan menghadapi keadaan yang tidak munasabah, di mana usul kerajaan merujuk kepada pemimpin-pemimpin pembangkang serta Ahli-ahli Parlimen pembangkang ke Jawatankuasa Hak Keistimewaan kerana melanggar hak kebebasan dapat diluluskan secara automatik. Manakala usul pembangkang merujuk kepada Menteri-menteri ataupun Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ke Jawatankuasa Hak Keistimewaan kerana melanggar hak kebebasan pula tidak akan berjaya kerana pihak kerajaan enggan memperuntukkan masa untuk perbincangan dan membuat

keputusan. Sebab itu, decision making process Parliament dan decision making process Cabinet ialah berasingan. Saya berharap Menteri-menteri memahami dan menghargai pentingnya membezakan dengan jelas proses-proses membuat keputusan antara Kabinet dengan Parlimen. Dan bila harus diasingkan kedua-duanya supaya kita dapat memupuk tradisi dan budaya Parlimen yang sihat dan bersemangat.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada cadangan-cadangan pindaan Peraturan Mesyuarat yang telah dibentangkan ke Dewan yang mulia ini. Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat pada mulanya mencadangkan pemindaan ke atas Peraturan Mesyuarat 18 yang akan melenyapkan segala Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai dan dikehendaki disegerakan dari dibangkitkan di Parlimen. Saya mengalu-alukan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, walaupun ianya masih tidak membolehkan provisi yang sedia ada. Saya mendapati pindaan awal ke atas Peraturan Mesyuarat 18 ini tidak dapat diterima, tidak demokratik dan sesuatu tindakan yang retrogressive. Mengikut cadangan pindaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, proses membangkitkan Usul tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan, yang sebenarnya merupakan satu proses terbuka akan ditukar menjadi satu proses birokrasi rahsia. Kini Yang di-Pertua dapat menolak permintaan membangkitkan usul mengikut Seksyen 18 dengan memberi sebab-sebab permohonan dan penolakan secara terbuka.

Mengikut pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Peraturan

Mesyuarat ia akan dilakukan menerusi cara bertulis dan Ahli Parlimen tidak berpeluang menyuarakan permintaannya di dalam Dewan yang mulia ini. Kabinet kini memulihkan keadaan yang asal, bagaimanapun pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat 18 yang kini dibentangkan masih tidak dapat diterima. Sebagai contoh, Peraturan Mesyuarat 18(2), mengkehendaki notis sepanjang 24 jam diberikan sebelum mana-mana Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan dapat dibangkitkan.

Tempoh 24 jam jelas terlalu panjang dan menunjukkan bahawa Parlimen tidak berupaya bertindak terhadap pembangunan perubahan dengan segera. Tempoh 4 jam yang diamalkan kini adalah memadai dan harus dikekalkan terutama sekali memandangkan ia merupakan hasil dari pindaan awal yang pada asalnya hanya memerlukan dua jam notis sahaja. Di dalam era moden ini, Parlimen dan kerajaan harus berupaya bertindak cepat terhadap pembangunan yang cepat dan pantas dan bukan sebaliknya. Keperluan dua jam notis yang dipanjangkan kepada empat jam notis dan kini pula menjadi 24 jam notis tidak menggambarkan efficiency yang baik sama ada dari Parlimen atau kerajaan.

Tambahan lagi, kini adalah cadangan menghadkan penjelasan kepada Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan kepada dua muka surat kerta A4. Walaupun, ini merupakan satu kemajuan dari cadangan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang menghadkan penjelasan kepada 200 perkataan tetapi cadangan pindaan ini masih tidak sesuai dan Ahli-ahli Parlimen semuanya dilayan seperti budak-budak sekolah. Panjang pendeknya sesuatu

penjelasan seharusnya bergantung ke atas keadaan kes individual dan bukannya ditetapkan secara paksaan dengan menghadkan jumlah perkataan atau mukasurat. Status quo yang tidak mengenakan sebarang had harus dikekalkan. Hari ini Usul di bawah peraturan 18 saya ialah lima muka, nampaknya ini ialah 'last of the Mohican', tidak boleh lagi. Tetapi kalau kes itu kes tertentu memerlukan penjelasan yang panjang, kenapa menghadkan? Kita bukan dalam sekolah di mana tulis satu essay tidak lebih daripada 200 perkataan, ini Parlimen. Ini Parlimen, bukan Parlimen budak, ini bukan National Day—'Childrens Parliament'.

Adalah penting untuk menunjukkan bahawa pada masa ini, Yang di-Pertua telah pun mempunyai kuasa untuk menyunting dan memotong bahagian Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan dan dirasanya tidak berkenaan ataupun tidak sesuai. Dan kuasa ini telah dilaksanakan ke atas setiap Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Apa yang harus dipertimbangkan oleh Parlimen, bukannya mengenai mekanisme, Peraturan Mesyuarat 18 tetapi bagaimana provisi atau Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan ini dapat dipinda supaya dapat dibangkitkan dengan lebih kerap lagi untuk membolehkan Parlimen mengendalikan isu-isu dan perkara-perkara semasa.

Sebagai contohnya, Yang di-Pertua tidak harus bertindak sebagai jurucakap kerajaan semasa memutuskan Usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan tetapi melihatnya dari sudut kepentingan orang ramai dan nasional.

Yang Berhormat Menteri kata, saya tidak buat homework, ada buat homework—ada masa, prepared homework sampai sekarang, sekarang 'extempore homework'

Dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, saya ada kemukakan dua Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18, satu ialah mengenai Memorandum Tenaganita, mengenai dakwaan-dakwaan, kematian-kematian, layanan yang kejam terhadap pekerja-pekerja asing Bangladesh dan lain-lain negara di Pusat Tahanan Imigresen ialah pada 15hb. Ogos, 1995. Usul yang kedua ialah 28hb. Ogos, 1995 mengenai Krisis Kehakiman yang baharu, yang muncul selepas keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah kehakiman mengenai pertikaian-pertikaian komersil. Tetapi kedua-dua Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 di tolak oleh Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa inilah kedua-dua keputusan ini tidak akan membayangkan satu keadaan yang baik kepada orang ramai, oleh kerana selepas kedua-dua Usul yang bakal dikemukakan ke dalam Parlimen, perkembangan-perkembangan masing-masing menunjukkan kedua-dua isu ini ialah isu yang sangat penting, sangat dapat perhatian orang ramai yang perlu disegerakan tetapi di dalam Parlimen tidak perlu disegerakan. Dan ini tak 'reflex' yang membayangkan dengan baik kepada martabat, peranan, fungsi Parlimen. Sebab itu, saya kata bahawa apa yang kita perlu ialah bagaimana Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk membolehkan Usul tertentu demi kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan boleh dipinda supaya kita ada satu pendekatan yang lebih liberal untuk membolehkan lebih banyak isu-isu semasa dikemukakan

dan dibahaskan dalam Dewan yang mulai ini, supaya Dewan ini sebenarnya boleh menangani isu-isu semasa dan bukan menjadi satu muzium, bincang perkara yang lama sahaja.

Di sini saya pun mahu memuji Kabinet mengenai keputusan soalan mulut, memulihkan balik kepada status quo dan menolak cadangan bahawa mengurangkan keadaan di mana seseorang Ahli Parlimen boleh mengemukakan 20 soalan lisan kepada 5—memulihkan kepada keadaan yang ada ialah kepada 20 soalan. Sebenarnya, penghadan kepada Ahli Parlimen untuk mengemukakan 20 soalan bagi setiap mesyuarat sebenarnya sudah tidak adil dan menghadkan kebebasan Ahli Parlimen untuk menjalankan tugas dan fungsi mereka. Efisiensi Parlimen tidak patut dikorbankan oleh kerana 'convenience' pentadbiran Parlimen, kakitangan-kakitangan Parlimen atau kakitangan-kakitangan kerajaan dan saya cadangkan, khasnya untuk mesyuarat budget seperti kali ini di mana kita akan bersidang selama 39 hari, Ahli-ahli Parlimen dibenarkan untuk mengemukakan sehingga 40 soalan lisan bagi seorang. Kenapa kita mahu menghadkan? Oleh kerana apabila kita menghadkan kebebasan Ahli-ahli Parlimen untuk mengemukakan soalan ini bermakna menghadkan hak-hak Ahli Parlimen untuk check and balance kerajaan dan menghadkan hak rakyat Malaysia supaya suara mereka boleh didengar dalam Parlimen.

Sekurang-kurangnya saya mengalu-alukan pemulihan mengemukakan 20 soalan, tetapi dalam aspek lain, mengenai soalan lisan, kita tidak boleh terima. Sebagai contohnya, Peraturan Mesyuarat 23(r) di mana berkata bahawa 'restriction' tidak boleh lebih

daripada 2 sub-question—ini tidak patut—arbitrary, oleh kerana kadangkala ada soalan yang perlukan spesifikasi supaya jawapan lebih jelas, lebih comprehensive dan lebih bererti boleh didapati dan ini perlukan spesifikasi yang lebih daripada 2 sub-question. Ini tidak bererti bahawa akan dapat satu jawapan yang sangat panjang. Kalau masalahnya, masa yang sangat panjang diambil bagi satu soalan, masalah yang timbul ialah bukan daripada soalan, sahaja masalah juga timbul ialah daripada jawapan oleh Menteri-menteri—sebenarnya adalah Timbalan Menteri oleh kerana Menteri-menteri kerap kali lari dari Dewan dan tidak berani datang ke Dewan untuk menjawab soalan. 'To pass the buck' kepada Timbalan Menteri sahaja dan, Timbalan Menteri dapat peluang satu jawapan boleh habis dalam 3 paragraph, dia mahu 30 paragraph—itu membuang masa.

Kalau mahu menghadkan soalan tidak lebih kepada 2 sub-question, juga perlu menghadkan jawapan. Kalau jawapan tepat dan memberi maklumat, kita semua terima, tetapi ada jawapan yang sangat panjang lebar, tidak ada orang yang mahu mendengar dan tidak ada pemberita pun yang mahu tulis. Kita tahulah, kita tidak mahu kontrol. Sebenarnya, masa soal-jawab sangat mustahak, oleh kerana ia adalah satu cara di mana pihak Menteri dan pihak kerajaan perlu 'on his toes' untuk jawab dan memberi akauntabiliti mengenai tanggungjawab mereka. Apa yang perlu ditimbang ialah innovative, visionary, far-sighted, bukan tengok belakang. Masa soal-jawab adalah selama 2 jam dalam sehari—two hours question time—itu contoh kepada dunia, bukan mahu menghadkan soal-jawab, menghadkan akauntabiliti

kerajaan kepada Parlimen. Itulah kelemahan besar di dalam cadangan di hadapan Dewan yang mulia ini.

Ada satu lagi iaitu Peraturan 24(3) bahawa tidak boleh kemukakan soalan tambahan, apabila Menteri kata sudah jawab. Mana ada soal jawab, dia mungkin kata sudah jawab, tetapi sebenarnya tidak jawab. Sudah jadi kelaziman untuk Menteri-menteri menjawab 20 soalan sekali gus. Sungguhpun menjawab 20 soalan mengenai satu isu yang sama, tidak bererti bahawa semua aspek soalan ini boleh dijawab dalam satu jawapan. Ini bererti bahawa Menteri tersebut mengelak dari tanggungjawabnya dan sekarang kalau kita ada Peraturan Mesyuarat bahawa apabila Menteri kata sudah jawab—tidak ada soalan tambahan yang boleh dikemukakan. Ini adalah sangat undemocratic dan membenarkan Menteri lari dari prinsip akauntabiliti. Khasnya apabila cadangan pindaan 24(3) iaitu soalan dalam bukan penggal, tetapi soalan sudah di jawab dalam mesyuarat yang sama, ini sekali gus banyak soalan-soalan. Ini going backward, bukan ke hadapan.

Pindaan kepada Peraturan 36(1) bahawa dalam perbahasan kepada pindaan Rang Undang-undang, bahawa Parent Act tidak boleh menjadi subject perbahasan—another retrogressive cadangan. Oleh kerana kalau ucapan dalam perbahasan Rang Undang-undang tidak menyentuh kepada Parent Act tentulah ini menghadkan Ahli-ahli Parlimen daripada mengkaji dengan lebih komprehensif konsikuen-konsikuen dan cadangan-cadangan dalam Rang Undang-undang ini.

Peraturan 37(2) ialah mengenai disiplin—nanti saya akan bahaskan bersama-sama dengan Peraturan 44(2).

Sebenarnya dalam pindaan kepada Peraturan Mesyuarat yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat ada 3 aspek yang sangat penting yang menjejaskan hak-hak Ahli-ahli Parlimen. Perkara 18 ialah mengenai Usul tertentu untuk kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan—ada sedikit pindaan tetapi tidak memuaskan. Kedua, mengenai soalan lisan—ada sedikit pindaan tetapi tidak memuaskan dan dalam aspek ketiga, tiada pindaan langsung iaitu mengenai memberi kuasa lebih kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua untuk mengambil tindakan tata tertib kepada Ahli-ahli Parlimen. Sekarang, di bawah Peraturan 44, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk menggantung seorang Ahli Parlimen dalam sehari—sekarang mahu tambah kepada 10 hari. Adakah Parlimen Malaysia begitu rawdy sehingga perlu kepada pindaan yang draconian ini?

Sungguh pun ada *hitted and exchange argument*, tetapi tinggal *exchange and argument*, bukan *fiscal exchange* dan *physical exchange*, bukan semacam Taiwan dan bukan semacam India, atau sekarang UMNO. Dahulu MIC, sekarang UMNO—tidak apalah kita balik ke Parlimen. Bukan Semacam Taiwan atau India di mana mungkin kalau mahu menjadi Yang di-Pertua perlu membeli insurans hari-hari, kena hentam, pukul, tarik rambut, tendang. Apabila berlaku perkara semacam ini, kekecohan pun tidak ada pindaan untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertua untuk menggantung Ahli Parlimen untuk 10 hari—kenapa?

Overreaction, ini luar biasa. Apa budaya yang kita mahu tanam dalam budaya Parlimen Malaysia? Selain daripada sesi Budget, dalam bulan Jun

atau Julai, apabila Parlimen bermesyuarat untuk 8 hari, mungkin untuk 9 hari, 10 hari; apabila seorang Ahli Parlimen digantung untuk 10 hari, dia dinafikan hak untuk menyertai persidangan Dewan Rakyat.

Apabila seorang Ahli Parlimen digantung dan dinafikan hak untuk ambil bahagian dalam persidangan Parlimen, ini bererti menafikan hak pengundi-pengundi rakyat kawasan itu untuk diwakili dalam Parlimen. Adakah ini yang kita mahu buat? Ini tidak patut. Kita perlu fikir secara mendalam. Bukankah apa yang berlaku di Bukit Bintang cukup memalukan? Sudah cukup memalukan! Di mana rakyat dinafikan hak untuk memilih Ahli Parlimen yang mereka mahu. Seorang yang dikalahkan, masuk Parlimen melalui pintu belakang! Sudah malu! Tidak demokratik! Ini prinsip demokrasi. Prinsip demokrasi ialah hak rakyat untuk memilih orang yang mereka mahu menjadi Ahli Parlimen mereka. Dari Bukit Bintang, orang yang duduk sini sebagai Ahli Parlimen Bukit Bintang tidak ada hak, tidak ada mandat tetapi dia ada muka untuk duduk di sini. Patut resign, keluar! Resign, keluar!

**Dato' Yap Pian Hin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Serdang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak nampak. (*Ketawa*) Apabila kita mahu pindaan mengenai kuasa tata tertib Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua—kita bukan bincangkan personality sesiapa tetapi apabila meluluskan pindaan ini, kita memberi kuasa untuk Yang di-Pertua seorang—mungkin tidak dipilih oleh pengundi-pengundi—hak untuk menafikan pengundi-pengundi, rakyat untuk di

Malaysia diwakili oleh Ahli Parlimen dalam Parlimen sepanjang mesyuarat Parlimen. Ini tidak adil. Ini tidak patut berlaku. Ini draconian dan kita mahu peruntukan semacam ini ditarik balik.

Pindaan kepada Peraturan 46 ialah untuk memanggil satu division. Sekarang 15 orang cukup. Apabila dipinda, tambah kepada 25 orang. Okay, oleh kerana jumlah bilangan Ahli Parlimen sudah bertambah kepada 192. Kalau begitu kenapa kuorum tidak tambah? Kenapa Kuorum tidak tambah? Okay, kata ini lebih senang, nanti tidak boleh mesyuarat. Kenapa tidak boleh mesyuarat? Oleh kerana Ahli Barisan Nasional semua tidak bertanggungjawab, mahu ponteng, malas, dapat 5/6 majoriti, tidak boleh menentukan, memastikan kuorum, malulah! Malu!

Sebab itu, apa rasional dibawa peruntukan-peruntukan untuk meminda Peraturan Mesyuarat ini? Peraturan 63B. Saya percaya 63—prorogue dan memperuntukkan bahawa kalau Rang Undang-undang ini tidak diluluskan apabila sidang Parlimen habis, apabila Parlimen prorogue, bil itu boleh terus disambung semula apabila Parlimen dirasmikan. Kenapa mahu peruntukan ini? Ini akan membenarkan menteri-menteri ada satu sikap tidak apa. "Tidak apalah, kalau tidak lulus". Sungguhpun Parlimen prorogue, tidak ada lapse, sekarang lapse, sekarang Rang Undang-undang ini akan lapse tetapi selepas ini tidak ada lapse, boleh tidur sepanjang masa.

Ada menteri, bukan saya cakaplah di sini, pernah didedahkan, ini *Berita Harian*, surat khabar UMNOlah, bukan surat khabar DAP. Pernah didedahkan seorang menteri kanan tidak endah dengan tanggungjawab di Parlimen

apabila hanya menghadiri 24 daripada 272 hari sidang dalam tempoh 4 tahun selepas pilihanraya umum 1990.

Sebab itu perlulah pindaan 63B. Boleh lapse. Boleh tidur lagilah. Antara pindaan-pindaan kepada Peraturan Mesyuarat, satu yang saya boleh alu-alukan sedikit ialah pindaan kepada Peraturan 66 untuk menambah tempoh hari perbahasan peringkat Jawatankuasa Budget daripada 16 hari ke 18 hari. Inilah step in the right direction. Step in the right direction, kita DAP, give credit where credit is due, dan kita puji. Kita puji, mahu saya sign, saya pun boleh sign. Tetapi step sahaja, step in the right direction tidak cukup besar itu step. Tidak cukup.

Bilangan Ahli Parlimen sudah double sejak merdeka dan jumlah belanjawan Budget Federal Tahunan sudah tambah 50 kali ganda sejak merdeka. Daripada tidak sampai RM1 bilion kepada sekarang RM49 bilion tahun lalu tetapi tidak pernah ada tambahan masa perbahasan Parlimen untuk Budget. Tambah 2 hari tidak cukup. Kalau kita ambil perkiraan kedua-dua faktor itu. Apa yang lebih sesuai, satu pindaan yang lebih sesuai ialah untuk tambah daripada untuk perbahasan Budget pada Bacaan Kedua daripada 11 hari kepada 14 hari, tambah 3 hari dan untuk peringkat Jawatankuasa daripada 16 hari ke 22 hari bererti tambah 9 hari yang sepenuhnya. Daripada 27 hari untuk Budget kepada 36 hari.

Saya harap bahawa kerajaan boleh mengambil perkiraan di dalam perkara ini oleh kerana sebab-sebab ini. Apa yang perlu ialah satu kajian yang menyeluruh mengenai Parliamentary Reform dan sebenarnya cadangan-cadangan di hadapan Dewan ini patut ditarik balik dan diserahkan kepada All

Parties Speakers' Conference, satu conference yang diketuai oleh Yang di-Pertua dengan ahli-ahli yang dianggotai oleh wakil-wakil dari semua parti yang ada wakil dalam Parlimen untuk membincang dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan menyeluruh mengenai fungsi, tanggungjawab, peranan Parlimen sekarang untuk abad ke-21, menuju visi 2020 dan apa perubahan-perubahan yang perlu dibuat di dalam prosedur, di dalam prosiding dan di dalam Peraturan Mesyuarat, di dalam semua aspek. Itu adalah apa yang perlu. Kenapa perlu?

Oleh kerana kita selalu mendengar, baru-baru ini, khasnya Timbalan Perdana Menteri, pet subject ialah masyarakat Madani. Masyarakat Madani—civil society. Saya percaya Yang Berhormat pun faham masyarakat Madani. Nampaknya tidak ramai Ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Kabinet pun faham masyarakat madani. Faham bukan? Faham ya? *(Ketawa)(Disampuk)*

Tetapi saya tidak pernah mendengar Yang berhormat Menteri bercakap mengenai masyarakat Madani! Tak pernah dengar! Tak pernah dengar! Adakah? Tak pernah! Saya bercakap Yang Berhormat Menteri faham masyarakat Madani yang diexpounded oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Apa itu masyarakat Madani? Di sini adalah! *(Sambil merujuk kepada risalah di tangan)* Lebih faham daripada Yang Berhormat Menteri! *(Disampuk)* Dengan izin,

“Only a vibrant and functional civil society can minimize if not totally eliminate excesses be it related to power or wealth and provide the framework for a continuous battle against the abuse of powers, corruptions and morale decay.”

Soalannya ialah, kalau kita sebenarnya mahu memupuk satu masyarakat Madani, pindaan-pindaan yang di hadapan ini patut ditarik balik oleh kerana pindaan-pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ialah ke satu uncivil society dan bukan civil society. Kita boleh faham, civil society! Adakah ini bahawa negara kita menuju kepada civil society atau kepada satu masyarakat tidak madani?

Itu mustahak oleh kerana masa sudah sampai, selepas 40 tahun untuk kita mengkaji peranan Parlimen—apa modelnya? Kalau tidak ada model dalam dunia, kita patut ada satu vision. Mungkin kita tidak mahu mencontohi model of Parliament Westminster, tidak mahulah! Tak perlulah. Tetapi kalau begitu, adakah kita mencontohi? Adakah contoh yang lain atau kita ada visi kita sendiri?

Saya sangat terperanjat dengan apa yang dikatakan antara lain, contoh yang Parlimen Malaysia patut ikuti ialah Kongres Kebangsaan Rakyat Cina. Kongres Kebangsaan Rakyat Cina yang dapat mengendalikan urusan Parlimen mereka yang mempunyai 2,677 anggota. Wah, adakah kita model ini sekarang? *(Ketawa)*

Sebab itu, ada pindaan-pindaan kepada Peraturan Mesyuarat. Kita semua sekarang mengikut Chinese People's Congress. Itu bukan kita mahu! Kalau kita mahu civil society, masyarakat Madani, kalau kita mahu model, kita patut ya!

**Seorang Ahli:** Jangan buang masa!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Oang Tee Keat):** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti kita keluar, pass the test, kalau pass, lain kali saya beri. Sekarang, belum pass. Dan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan beri ulasan macam itu! (*Disampuk*) Kalau tak beri, teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu hak saya untuk memberi penjelasan kenapa saya tak mahu beri!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Pass test dahulu ya..... pass test!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak pass test, tak beri! Dan, patutlah kita dengari suara rakyat di Bagan. 9hb September, apa suaranya? Oleh kerana, apabila pengundi-pengundi di Bagan pergi membuang undi, soal masalah pindaan yang draconian, yang tidak demokratik dan uncivil society ini sudah menjadi satu isu dan kita pun ada mengemukakan kepada pengundi-pengundi di Bagan supaya memberi satu signal kepada kerajaan Barisan Nasional bahawa rakyat bukan sahaja mahu pembangunan, tetapi demokrasi.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Demokrasi bererti menentang pindaan kepada peraturan-peraturan di mana hak-hak Ahli Parlimen untuk menjadi check dan balance disekat atau dinafikan, mungkin. Ada orang yang mengatakan bahawa keputusan di Bagan tidak boleh menjadi satu keputusan yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mahukan demokrasi. Ini terpulang kepada kerajaan Barisan Nasional.

Tetapi apabila Ahli Parlimen Bagan di belakang menang dengan majoriti 11,802 undi (*Tepuk*), 100 kali lebih daripada majoriti pilihanraya besar bulan April, ada mesej..... ada mesej! Kita tahu Barisan Nasional tahu mesej. Sebab itu sekarang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sangat takut pilihanraya kecil. Nightmare.....nightmare!

Di sini sebenarnya ada banyak aspek di mana perubahan Parlimen perlu kita bincangkan tentang cara bagaimana Ahli-ahli parlimen boleh berfungsi dengan lebih berkesan. Tadi saya ada sebut mengenai notis yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Di sini kita tahu mengenai Rang Undang-undang Pendidikan. 10 tahun kerajaan Barisan Nasional mengambil masa untuk menggubal Rang Undang-undang ini. 10 tahun! Tetapi sampai sekarang, kerajaan Barisan Nasional tidak rela untuk mengumumkan isi kandungan Rang Undang-undang Pendidikan sungguhpun ia akan ada implikasi yang begitu luas kepada masa depan negara. Kenapa?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan, tentulah akan dikemukakan pada bulan Disember pada akhir peringkat Dewan ini. Adakah Dewan yang mulia ini akan mengadakan persidangan terakhirnya pada 20hb. Disember, kalau tidak silap—adakah Rang Undang-undang Pendidikan akan dikemukakan pada 18hb. atau 16hb. Disember dan memberi kepada Ahli-ahli Parlimen masa selama 3 hari dan 2 hari sekaligus untuk bacaan kali kedua dan ketiga atau kesemua tiga bacaan diluluskan? Ini kita perlu tukar fikiran dengan lebih open. Kita perlu sikap, pendekatan semasa 90-an atau abad ke-21 untuk menghadapi cabaran-cabaran dan jangan menggunakan sikap dan

pendekatan 60-an dan 70-an. Oleh kerana kita menggunakan sikap, pendekatan, mentaliti, mind set 60-an dan 70-an berlakulah Fas Pao Chin Chien—siri televisyen Justice Pao—Pao Chin Chien. Katakan bahawa inilah oleh kerana tidak sesuai untuk Malaysia. Kita tidak mahu anti history, ini semua tidak boleh masuk akal. Sebab itu, sekarang sudah tiba masanya untuk semua rakyat Malaysia, pemimpin-pemimpin di negara kita khususnya Menteri-menteri Kabinet untuk menunjukkan bahawa mereka boleh tukar atau hapuskan mind set mentality 60-an dan 70-an dan adalah mind set mentality abad 21.

Kalau begitu, pindaan-pindaan peraturan di hadapan ini ialah mind set 60-an dan 70-an. Bukan mind set abad 21. Kita perlu mengadakan konsultasi. Sungguhpun kita dalam parti-parti yang berbeza, ada barisan kerajaan, barisan pembangkang tetapi kita semua rakyat Malaysia. Untuk kesejahteraan negara kita. Tidak ada sesiapa yang boleh kata lebih taat setia, lebih cinta negara kita ini. Kita semua rakyat Malaysia. Sungguhpun kita ada perbezaan politik tetapi dalam Parlimen ada perkara kita ada perbezaan politik, fahaman politik tetapi patutkah ada perkara di mana kita ada common ground seperti untuk memupuk tradisi budaya Parlimen. Supaya Parlimen bolehlah lebih berkesan, menjadi satu check dan balance terhadap kerajaan. Bukan Barisan Nasional. Kerajaan. Itu tidak kira apa parti politik.

Sebab itulah, sebenarnya dalam perbahasan hari ini saya tidak mahu ambil begitu banyak masa untuk adakan party colouration tetapi ini di "provoke" oleh orang-orang yang selalu mahu lihat isu-isu daripada warna-warna parti politik (colouration) sahaja. Kita perlu bincang perkara ini

tanpa parti politik. Bagaimana kita boleh adakan satu institusi Parlimen yang lebih berkesan di mana Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa parti dapat peluang membaca, mengkaji rang undang-undang sama ada Akta Rang Undang-undang Pendidikan atau Rang Undang-undang Pindaan kepada Land Acquisiton Act atau Land Control Act dan inilah yang amat perlu.

Tubuhlah satu jawatankuasa Parliamentary Business Committee. Parliamentary Business Committee adalah kerajaan atau anggota pembangkang mengenai parliamentary business. Kenapa kita mahu satu keadaan di mana sama ada parliamentary business naik atau tidak naik pihak pembangkang tidak tahu. Baru seorang Menteri tahu. Satu guessing job. Ini bukan efficient, scientific, systematic, kita perlu wajar mengadakan keadaan yang baharu.

Akhirnya, saya harap kita pun lebih fahami Peraturan-peraturan Mesyuarat. Bukan sahaja ada Ahli-ahli Parlimen Backbenchers yang tidak faham Peraturan-peraturan Mesyuarat, ada Menteri-menteri Kabinet pun tidak faham Peraturan-peraturan Mesyuarat. Mahu contoh? Saya boleh beri contoh. Kita selalu ada contoh. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam kempen pilihanraya kecil di Bagan kata, "Oh Lim Kit Siang diktator". Lim Kit Siang diktator kenapa? Oleh kerana beri monopoli kepada anaknya Ahli Parlimen Kota Melaka di dalam Ucapan Penangguhan. Berapa ucapan dahulu? Dia kata, "Bahawa DAP ada 14 peluang untuk Ucapan Penangguhan. 12 peluang diberi kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli-ahli Parlimen yang lain seperti Yang Berhormat dari Jelutong

tidak diberi." Saya tidak beri. Tidak boleh kemukakan. Ahli-ahli Parlimen yang lain pun tidak diberi. Apa ini? Childish. Mungkin ini cara Ahli-ahli Parlimen parti-parti Barisan Nasional berjalan.

Dalam DAP sesiapa Ahli Parlimen yang mahu mengemukakan Ucapan Penangguhan boleh buat sendiri terpulang kepada setiap Ahli Parlimen dan kepada Dewan kalau Dewan menerima lebih daripada dua Ucapan Penangguhan sehari. Saya tidak tahu siapa dalam kalangan Ahli Parlimen DAP kemukakan Ucapan Penangguhan sehingga saya baca Order Paper ialah sehari sebelum persidangan Parlimen. Tetapi ada Menteri MCA kata ini semua dimonitor, dimanipulasikan oleh saya.

Sebenarnya daripada 20 Ucapan Penangguhan pada Persidangan Parlimen bulan Ogos, bukan 14, 17 daripada DAP, baru 3 daripada Barisan Nasional dan daripada 17 Ucapan Penangguhan daripada DAP, 14 daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. 3 daripada Yang Berhormat dari Seputeh. Itu terpulang kepada setiap Ahli Parlimen dan kepada Dewan. Apa yang mustahak ialah sangat kurang daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional khasnya MCA sungguhpun dapat 5/6 majoriti. Malaslah. Malas. (*Tepuk*) Malas tidak apalah. Jangan menggunakan sebagai alasan untuk buat tuduhan-tuduhan yang liar.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kita boleh ada satu pandangan yang luas (far-sighted) dalam perkara ini. Sebab itu, saya cadangkan All Parties Speakers' Conference supaya Parlimen Malaysia boleh siap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran abad 21, era revolusi teknologi maklumat. Kalau Parlimen mahu dihormati oleh rakyat jelata, Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lumar.

5.28 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lumar):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah bercakap sebegitu panjang sangat sebagaimana yang telah dilafazkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Saya pun telah baca kertas pindaan peraturan ini semenjak bulan lapan tahun ini. Jadi, saya membuat satu lanskap sahaja, tidak ada sebab langsung kenapa pula kita mesti mengkritik atau mengatakan surat ini ataupun kertas ini tidak pernah disampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Yang sebenarnya, Ahli Parlimen yang belum melihat kertas ini ialah Ahli Parlimen pembangkang. Sengaja tidak tengok, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kritikan-kritikan soal kertas ini adalah tidak berasas dan tidak adil. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah simbol demokrasi. Tetapi pada tahun 1993, kalau tidak salah saya, Tuan Yang di-Pertua, sekali-sekala di Dewan Parlimen ini menjejaskan kepercayaan orang kepada demokrasi kerana pihak pembangkang kalau diberi daun pom-pom itu jadi cheerleaders di dalam Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Pernah kawan-kawan di sini mengatakan buat satu pagar, masukkan Ahli-ahli Pembangkang yang perangai tidak senonoh itu masuk ke dalam itu. Kita cadangkan itu. Kalau kurang jelas tanya Yang Berhormat dari Pokok Sena. Oleh kerana perangai yang tidak senonoh, perangai yang tidak patut ditunjuk dalam Dewan.

Jadi, tadi Ketua Pembangkang kata budak-budak beri undang-undang macam ini. Kalau Pembangkang berperangai macam orang yang belum

mature, undang-undang macam inilah yang patut digunakan untuk mereka. Kalau saya tidak pernah buat kesalahan, buatlah apa sahaja undang-undang, insya-Allah saya berdiri di sini menyokong undang-undang ini. Sebab saya tidak takut, sebab perangai saya senonoh, perangai saya tidak biadap.

Jadi, desakan dari Ahli-ahli Parlimen daripada tahun 1993 meminta supaya peraturan ini dipinda untuk accommodate perangai yang tidak senonoh, perangai yang tidak siuman, perangai yang unparliamentarian. Kalau kita masuk semua kertas-kertas yang kita salinkan daripada Persidangan Dewan ini ke dalam satu komputer, tengok berapa perkataan-perkataan unparliamentary yang digunakan oleh pembangkang kepada menteri-menteri sebelah sini dan berapa yang banyak dikeluarkan oleh menteri-menteri ataupun Ahli Parlimen dari Barisan Nasional, walaupun kita ramai, yang tidak unparliamentary, saya fikir 10 kali ganda yang dikeluarkan dari mereka walaupun kecil bilangan. Ini menunjukkan perangai mereka patut didisiplinkan sedikit. Kita bukan draconian, bukan menunjukkan undang-undang yang draconian. Draconian itu umpamanya kalau dikatakan daripada 2 hari sampai 10 hari boleh diberhentikan orang itu bersidang kalau dia melakukan kesalahan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kerana peraturan memberi kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak percaya bermakna saya tidak percaya Tuan Yang di-Pertua, boleh menggunakan kebijaksanaan, to exercise the right discretion. Untuk to exercise the right discretion bila hendak menggunakan maksimum peruntukan-peruntukan yang ada diberi kepada Parlimen itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, polis tidak berhak masuk di Dewan ini, Hanya Tuan Yang di-Pertua sahajalah dipandang untuk menegakkan undang-undang. Jadi, kuasa diberi kepada Tuan Yang di-Pertua supaya budak-budak yang duduk di sebelah sana boleh didisiplinkan, beri kematangan kepada mereka kerana kita tidak boleh memberhentikan orang berdiri jadi members of parliament. Kalau kita buat itu satu perundangan, hendak tengok latar belakang sama ada perangai budak-budak ataupun tidak, dia kata lebih draconian lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan budak-budak ini kita kena tunjuk kematangan kita sendiri. Kalau kita sudah tunjuk kematangan kita, barulah kita boleh mengkritik. Tetapi perangai itu sendiri telah menunjukkan kebudak-budakan tidak boleh menjadi matang, orang lain akan mematangkan perangai kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ingat tidak bercakap panjanglah. Kalau saya bercakap panjang sangat sampai 2 jam, sampai besok pun tidak habis. Mengurangkan soalan 20 ke 5 sekali gus itu saya bersetuju. Sebabnya kalau kita buat 40 pun tidak jawab juga kerana kita ada 1 jam sahaja. Jadi, soalan-soalan tambahan kalau diberi dua, jawapannya panjang. Kalau tidak panjang, pembangkang kata kenapa tidak jawab. jadi, mereka ini biasanya macam itulah, serba salah. Jawapan tak panjang sangat nanti, dia kata menteri takut jawab panjang ataupun tidak tahu dengan tugas-tugas mereka. Kalau dibuat begini supaya menhadkan, supaya pihak kementerian boleh jawab panjang sedikit, dia katakan tidak demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, saya baca juga soalan demokrasi ini. Soalan

demokrasi, corak western, saya baca Plato, saya baca Aristotle, saya baca Lord Hai Isham—Dilema Demokrasi. Lord Hai Isham sudah menjadi ahli politik semenjak tahun 1935 lagi. Ketua Pembangkang pun masih budak-budak main guli lagi. Lord Hai Isham berasa keraguan menerima demokrasi yang liberal. Itulah yang dikatakan dalam bukunya *Dilemma In Democracy*. We should be more firm, kata dia, daripada apa yang liberal diexercise kita pada masa sekarang ini. Sebab, liberalisasi itu mendatangkan kemudaratan kepada negara mereka.

Jadi, di sini pihak pembangkang mengatakan step in the right direction, mind-set of the sixties, mind-set of the nineties. Mind-set of nineties more disiplinelah, janganlah macam budak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sekejap ya. Minta duduk sekejap.

Saya ingat kita ada sedikit kesilapan tadi. Yang mana Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan pindaan 18 dan 22. Kesilapan kita lupa mengumumkan untuk dipersetujui sebelum dibahas. Jadi, saya ingin mengemukakan sekali lagi ya. Pindaan itu hendak dipersetujui sebelum di bahas.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya ada di dalam Dewan, diminta dipersetujui untuk dibahas. Lepas itu Ahli Dewan kata bersetuju. Selepas itu baru dibahas. Jadi, tidak tahu sama ada direkod atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat tidak ada kesilapan tadi. Kita belum kemuka untuk dibahas, dipersetujui untuk dibahas. Sudah dibahas oleh Ketua Pembangkang. Jadi, saya minta persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa usul dipinda seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi pada muka surat 4 pindaan 18 dan muka surat 7 pindaan 22. Usul itu dipinda.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah bahawa usul seperti yang dipinda itu sekarang sekali lagi terbuka untuk dibahas. Sila sambung.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Batang Lupar sambung semula. Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara dia katakan. Cadangan pindaan ini adalah cadangan Kabinet, bukan Ahli Parlimen ataupun Dewan ini yang memutuskan. Semua benda ini, bulat-bulat ditunjukkan kepada kita di sini, kita terima sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi. Saya pernah berkata dulu. Soalan demokrasi, soalan freedom, saya pernah katakan. Yang pembangkang bukan bertanggungjawab kepada welfare of this nation, tetapi pihak kerajaan. Soalan sama ada Kabinet yang buat surat ini ataupun jawatankuasa Parlimen yang buat, pada saya adalah tidak relevan. Asalkan jawatankuasa sudah dilantik, jawatankuasa sudah meneliti, jawatankuasa sudah menerima, bahkan soalan pemindaan peraturan ini telah disebut-sebutkan semenjak tahun 1993.

Kenapa pihak pembangkang tidak membuat alternatif mereka sendiri pada ketika itu? Mereka ini macam main football. Yang main ditengah-tengah padang itu apa buat pun salah. Dia di teres itu semua betul. Tetapi suruh dia masuk ke dalam, hendak

sepak bola sedikit pun tidak boleh. Inilah perangai mereka, Tuan Yang di-Pertua. Pandai mengkritik, tidak boleh membuat. Kalau dulu memang cerdik, dulu memang pandai, kenapa tidak buat cadangan daripada dulu lagi? Tak buat pun. Sudah orang buat, baru kritikan kiri, kritikan kanan, yang Kepong itu masuk dalam jawatankuasa, tak buat apa-apa. Kalau dia buat, circulate dengan kita, beritahu kita apa dia supaya kita kalau bersetuju, kita setuju. Kalau tidak setuju, kita bantah. Tetapi dia tidak buat—wakil DAP. Wakil Barisan Nasional; dia kritik. Wakil dia sendiri buat sentiasa, Tuan Yang di-Pertua. Yang dia itu, buat betul semua. Yang kita ini buat salah semua. Negara Malaysia ini 8% dalam masa 8 tahun growth kita, salah juga. Mana wawasan kata dia. Mana minda 90-an? Inilah dia. The growth rate kita meningkat, ekonomi kita baik, pentadbiran kita stabil, politik kita stabil, semua sekali baik. Bahkan banyak negara-negara luar di seluruh dunia ini kagum melihat kita, ingin mencontohi macam mana kita, pendekatan kita dan sebagainya. Jadi, kenapa pula kita mengatakan yang minda kita ini enam puluhan, minda tujuh puluhan, minda empat puluhan pun Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh maju, kita boleh berfikir, ekonomi kita baik, politik baik—semua baik, minda abad 18 pun baik juga, yang Pembangkang lupa. Kalau tidak tahu sejarah, tidak tahu visi masa hadapan, kita kenal sejarah dahulu sebelum tahu masa hadapan, baru kita kenal diri sendiri. Jika hendak pandang ke hadapan, di belakang tidak tahu—itulah dia.

Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen kita berbincang. Di Parlimen ini bebas bercakap. Saya tidak pernah dengar pun melainkan perkataan

“unparliamentary” yang digunakan. Saya dengar di Parlimen Malaysia. Saya belum sampai 26 tahun menjadi Ahli Dewan, baru 6 tahun, minus 20 tahun, tetapi 6 tahun sudah cukup bosan dengar perangai orang yang berumur 40 tahun, 50 tahun kelakuan macam ‘budak’. Kalau masa main ‘pompong’, main ‘pompong’ semua adik-beradik, anak beranak main. Inilah perangai mereka. Tetapi apabila ada perkara disiplin, perkara civil behavior, dia kritik.

Tuan Yang di-Pertua, dia tegur pula soalan ‘Bakun’. Pembangkang yang macam ini, kalau kita potong kayu di Sarawak satu batang dia sibuk sana, sibuk sini. Yang dahulu itu Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sibuk sana, sibuk sini mengatakan kita potong kayu sana, potong kayu sini, destroyed the ozone layer. Cerita Al Gore yang concern dengan ‘Bakun’ itu dia fikir, tetapi sebab Amerika dropped atom bomb pada tahun 1945, membunuh orang-orang Jepun di Nagasaki, Hiroshima, celebrate tahun lepas, Pembangkang tidak sebut pun.

Orang yang mati di Bosnia-Herzegovina itu Al Gore tidak concern pun. Kalau dia concern kenapa dahulu tidak buat, sekarang baru kena desakan negara-negara luar baru mereka mengambil tindakan, tetapi beribu-ribu orang Bosnian sudah mati. Soalan ‘Bakun’ yang ada economic important, yang ada social important kesemua sekali daripada negara ini dipersoalkan. Pembangkang dengar cerita dia, maknanya Pembangkang is more concern about the peoples from other part of the world than their concern to the welfare of this country, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau soal negara ‘no compromise’, draconian’lah apa sahaja undang-undang, welfare of

this country—mesti diutamakan. Kita bukan hendak tutup Pembangkang, kita tidak tutup mulut mereka bercakap, tetapi be reasonable about it. Adakah Ahli Parlimen negara-negara lain pergi ke negara kita ke sana-sini, cakap itu, cakap ini? Tidak ada, belum kita dengar pun. Tetapi Pembangkang Parlimen pergi ke luar negeri mereka kritik negara kita sendiri.

Tadi saya hendak bertanya satu soalan mengenai 19,000 pemegang pasport di luar negara ini yang tidak menggunakan pasport kerana lama sangat stay di overseas, kebanyakan daripada mereka ini ialah mendapat kewarganegaraan ataupun permanent resident status di negeri-negeri lain. Bila masa dia berada di sana, mereka mengkritik Malaysia. Ini orang Malaysia mengkritik Malaysia, tetapi sudah settle di negeri orang, kemudian bila dia balik hendak minta pasportnya kerana dia hendak jadi orang Malaysia balik. Sebab di negara mana mereka settle mungkin di negeri orang Putih, mereka adalah sebagai second grade citizen.

Yang nombor dua, ekonomi ataupun keadaan di sana sudah mendesak tidak boleh duduk lagi, selepas itu dia balik ke sini. Kalau saya, saya selidik betul-betul yang pemegang pasport 19,000 itu, check betul-betul sama ada mereka layak menerima ataupun tidak loyal dengan Malaysia sama ada di oversea ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, perangai pembangkang memang macam itu, bukan semua, ada juga pembangkang yang baik, tetapi dalam apa-apa soalan sekalipun saya sudah hadir di Persidangan Parlimen di Western Australia, Persidangan Parlimen di

Canberra, Persidangan Parlimen di Westminster. Saya nampak Kongres bersidang, tidak ada pun perangai buat bunga pompong—perangai DAP. Jadi, Pembangkang patutlah tidak payah undang-undang spell out 'a, b, c' dengan mereka, tetapi di sini perangai mereka patut kita buat, bukan kita hendak menekankan, tetapi soalnya if the needs arise, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we have the provision here.

Sound saya very tough, very tough in the sense mengenai soal disiplin. Kalau orang itu baik disiplinnya apa takut dengan soalan disiplin keras, jika disiplin yang tidak baik, itu yang kita tekankan, bahkan soalan yang 200 perkataan pun, kalau menggunakan typewriting ataupun print computer kecil banyak juga perkataan dia, bila kita gunakan 2 pages itu banyak juga, bukan dictate berapa perkataan, gunakan perkataan kecil-kecil, mungkin panjang juga. Saya bukan ahli komputer, tahu juga soal komputer, print ada kecil juga. Kalau tidak boleh baca yang kecil itu gunakan microscope, you overcome your problemlah, tidak payah tanya dengan saya to solve your problem.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali ke soalan 'Bakun'. Mengenai 'Bakun' semenjak tahun 1992, sebelum 'Bakun' menjadi heboh-hebohan orang, saya sudah sebut, rizab petroleum kita akan habis, revenue yang didapati daripada pembalakan akan berkurangan, date tahun 1995 itu sudah set, kita mesti kurangkan pada 9.2 million cubic metres, maknanya kita akan kurang revenue setengah daripada pembalakan. Kita akan kurang tempat pekerjaan daripada pembalakan dan kita kena cari alternatif.

Saya ingat di masa satu sesi di pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, what is the alternative, saya cakap, untuk pembangunan Sarawak? There must be an alternative. Kalau tidak, kurang revenue daripada timber, kurang revenue daripada petroleum yang mungkin tidak ada samapai 10 tahun atau 15 tahun lagi reserve dia.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya tidak nampak apa kaitan 'Bakun' dengan pindaan usul, Yang Berhormat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, betul, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf sebab saya mengulaskan Ketua Pembangkang tadi. Oleh sebab itu saya sebut sedikit, selepas ini saya balik ke tajuk lagi, jalan 'Bakun' tidak berapa panjang sangat. Jadi, alternatifnya ialah 'Bakun'. Dengan adanya 'Bakun' janganlah cari sahaja yang jahat, yang baik tidak pandang. Ini berbalik kepada apa yang saya sebut 'welfare of this nation must first be given priority', bukan kepada idealisme pembangkang mengatakan 'democracy, human rights'. Plato cakap, Tuan Yang di-Pertua, soal demokrasi, "the signs of government cannot be realised" kata Plato, "if there is no rule of law because no man can be trusted with unbridled....." apa Plato cakap belum habis cerita, sebab action sangat tadi.....

**Seorang Ahli:** "Unbridled power"

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** "Unbridled power". Terima kasih. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, can a man like Pembangkang, orang-orang macam Pembangkang itu given rights of freedom without restriction, unbridled freedom. Perangai macam itu tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, we got to see the reverse. Kalau kita

pandang the reverse will give negative effect kepada negara ini, pihak kerajaan must take positive steps untuk mengatasi masalah.

Mengenai peraturan soalan Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, soalan kita sudah diturunkan kepada 5 soalan. Soalan tambahan dan rangkaian soalan tidak lebih daripada 2, saya setuju, sebab ahli kita semakin ramai, peluang mesti diberi kepada semua, we got to look the other way round. Macam pandangan saya sekarang, saya tengok dalam semua kertas Kerajaan itu belum naik satu pun soalan saya sama ada dalam soalan No. 3, No. 4 dan No. 5. Maknanya peluang saya tipis sekali untuk dapat. Jadi, Kalau dikurangkan kepada lima, insya-Allah, saya akan mendapat peluang yang lebih baik. Maknanya tiap-tiap ahli Parlimen di sini akan mendapat peluang yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini. Perkara-perkara yang kurang national important tak payah kita soal. Soal air paip dekat rumah saya, api dekat rumah panjang ataupun soal-soal yang kecil dan remeh-temeh yang boleh dipersoalkan dengan Menteri di Pejabatnya tidak payah dibangkitkan di sini. Kita bangkitkan soalan of national important. Jadi, boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah, Sarawak akan menambahkan Ahli-ahli Parlimen, insya-Allah, kalau review itu sudah diluluskan nanti oleh pihak SPR. Parlimen macam mana hendak extend? Saya dahulu sudah cakap, saya tanya sama ada kita akan pindah ke Putrajaya? Jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan tidak akan dipindahkan. Dua minggu selepas itu saya tengok dalam surat khabar. Ini saya soal dalam Parlimen. Jadi, pada masa sekarang kalau kita hendak tambah lagi Ahli

Parlimen di sini, saya ingat gallery kita ini pun kena roboh.

Saya pernah pergi ke Parlimen-parlimen yang saya sebutkan tadi, di Canberra, di Perth dan di Australia kita nampak restoran atau kantinnya, bukan mengkagumkan, tetapi cukup indah. Di tempat kita kalau hendak bawa orang dari luar negeri duduk di kantin Parlimen, saya minta maaf! Di Sarawak baik sedikit. Cantik Parlimen di Sarawak! Ia tidak dipanggil Parlimen tetapi Dewan Undangan Negeri.

Saya pernah menyarankan supaya Parlimen kita ini kita tunjukkan jugalah. Kita sudah banyak duit, negeri sudah kaya, growth rate kita sudah tinggi, kita bukan lagi negeri yang miskin. Kita negeri kaya, pelawat datang ke sini bukannya pelawat yang hendak tengok orang bersidang di sini sahaja, hendak tengok kecanggihan perdebatan kita bagaimana! Mereka bukan hendak tengok bangunan tinggi mencakar langit sahaja tetapi mereka datang ke Parlimen hendak tengok juga kemudahan Parlimen yang patut ditingkatkan.

Jadi, saya ingat Pejabat Yang di-Pertua eloklah dipertingkatkan dan kantin atau restorannya juga dipertingkatkan. Di Australia Speaker Parlimennya ada 'lounge'nya sendiri—exclusive lounge untuk dia 'entertain'. Di sini kita pun ada juga tetapi bukanlah setanding dengan apa yang saya sebutkan. Bukan saya kata ia cantik, kita boleh buat yang lebih cantik daripada itu. Tetapi itu sama ada kita hendak buat atau tidak. Ini termasuklah Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya teringat ialah Ketua Pembangkang kata Bagan is a message. Tetapi yang ganjilnya, Bagan sahaja yang dia cerita. Message all over the country dia tidak

pandang—message di Kuching, di Sibul, di Miri, yang kita ambil semua seat DAP dahulu, tak pandang pun message! Mungkin message itu sudah outdated. Message memang sudah terang kalau perangai pembangkang tidak diubah.

Saya pernah bercakap, kalau Persidangan Parlimen ini ditunjuk di dalam televisyen, semua ahli Parlimen pembangkang memang 'out-voted'lah tiap-tiap kali pilihanraya, kerana perangai macam budak. Melainkan dia duduk segak macam saya bercakap ini, cantik dan sedap barulah orang berminat. Tengok macam saya, Tuan Yang di-Pertua, memang tanpa bertanding, sebab orang tahu. (Tepuk).

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menerima hakikat bahawa pindaan ini memang tepat pada masanya dan pindaan sudah cukup memuaskan. Walaupun ada perkara-perkara yang perlu kita lihat dari masa ke semasa dan kita pastikan pragmatik, kita boleh pinda. Bila-bila masa perlu kita boleh pinda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam exercising your power atau discretion untuk menyingkirkan mana-mana Ahli-ahli Parlimen, saya memang mempunyai kepercayaan bahawa Yang di-Pertua akan menggunakan kuasa itu dengan baik dan bijaksana dan tidaklah mengenenepikan seseorang itu sewenang-wenangnya untuk semua suatu sesi tidak diketepikan. Ini maksimum sahaja! Kalau perangai maksimum, maksimumlah kita beri. Kalau yang kurang kita kurangkan sedikit. Apa, Yang Berhormat tidak tahu baca buku undang-undang? Banyak peguam ada di sana, suruh mereka baca balik undang-undang itu apa maksud maksimum itu!. Memang maksimum pun tetapi tidak pernah diberi hukuman maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka bercakap itu tak pandang gist atau substance. Bukan kita menetapkan Yang di-Pertua mesti menjatuhkan 10 hari. Tidak! Maksimumnya 10 hari. Jadi, saya berharap pihak pembangkang berdebatlah lagi. Janganlah hendak kata tidak tahu peraturanlah. Kita tahu peraturan, gunakan peraturan pun kita tahu, falsafah di belakang peraturan pun kita tahu juga tetapi Yang Berhormat dari Tanjong kata kita tidak tahu. Jadi, ternyatah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bercakap panjang sangat nanti kawan-kawan yang lain hendak bercakap, maka saya berilah peluang kepada kawan-kawan yang lain yang hendak bercakap dan soalan pembangkang yang belum saya sentuh, saya take note sebab saya tidak bawa komputer. Yang Berhormat dari Tanjong itu sebelum hendak bercakap gunakanlah budi-bahasa yang baik, perkataan yang manis, janganlah kata orang tidak cerdik, diri sendiri sahaja yang cerdik. Itu tidak baik. Ini Parlimen, kita tunjukkan kematangan kita, kebaikan kita dan kewibawaan kita. Kalau kita boleh tunjukkan itu, peraturan begini kita tidak perlukan lagi. Kalau ada pun tidak akan menjadi apa-apa hal atau kemudaratan kepada sesiapa kerana kita tiap-tiap kali baik.

Tuan Yang Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Machang.

5.58 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan buah fikiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan untuk membangkitkan perasaan

marah seperti yang telah diluahkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Cuma saya ingin melahirkan perasaan terkilan yang amat sangat dengan cadangan pindaan yang dibawa pada Dewan pada petang ini. Semua cadangan-cadangan yang telah dimasukkan di dalam pindaan ini adalah hasil daripada suatu rekomendasi yang telah dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan yang mengikut catatan yang ada di hadapan saya yang telah pun bermesyuarat pada 17hb. Julai, 1995 pada pukul 9.30 pagi dan berakhir pada pukul 10.30 pagi, iaitu tempohnya lebih kurang satu jam mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan telah dianggotai oleh beberapa orang ahli jawatankuasa. Di antara lain ialah Yang Berhormat Tan Seri Speaker sendiri, Yang Berhormat Menteri pencadang sendiri, Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng, Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli, Yang Berhormat Tuan G. Palanivel, Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw dan Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman bin Haji Ali selaku Setiausaha.

Barangkali hasil daripada keputusan mesyuarat inilah cadangan-cadangan dan pindaan-pindaan kepada Peraturan Dewan ini dibentangkan dan saya mengakui bahawa saya pernah membaca cadangan sebegini, pindaan kepada Peraturan Dewan ini dalam sidang Parlimen yang lepas. Tetapi barangkali Yang Berhormat Menteri sendiri mengakui bahawa cadangan pindaan yang dibawa dalam Parlimen lepas yang ditarik balik adalah berlainan sedikit dengan pindaan yang dibawa di hadapan kita pada hari ini.

Pindaan yang ada di hadapan kita ini, saya membacanya pada pukul 2.30 petang tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya melahirkan terkilan yang amat sangat kerana apabila kita ingin meminda Peraturan Dewan Rakyat yang melibatkan peraturan untuk membahaskan agenda-agenda yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat mestilah buah fikiran dan pandangan semua ahli wakil rakyat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah mustahil untuk mendapat pandangan semua ahli-ahli wakil rakyat yang ada 192 orang sekarang, oleh yang demikian cadangan yang terbaik ialah dengan memohon setiap parti politik yang mempunyai ahli dalam Dewan Rakyat ini mengemukakan buah fikiran dan pandangan. Saya terkilan sekali lagi kerana parti saya tidak ada dalam Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan. Saya bukan berkehendakkan jawatankuasa ini, ini ialah kerana prerogative Jawatankuasa Pemilihan Dewan, tetapi kalaulah peraturan ini dengan niat ikhlas dan baik ingin dipinda untuk memperlihatkan suatu kematangan kita dalam proses perbahasan, dalam sebuah negara demokrasi, tentu pandangan mesti diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kalau pindaan ini hanya melibatkan soal tata tertib, perangai Ahli-ahli Dewan Rakyat kerana kita daripada Pembangkang pun tidak mahu berkompromi dengan Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan yang tidak sopan, yang mengeluarkan perkataan yang 'unparliamentary'. Kita juga tidak ada berkompromi, tetapi persoalan pindaan yang ada di hadapan kita ini bukan melibatkan soal perangai Ahli Dewan tetapi soal yang lebih penting daripada itu ialah hak dan kebebasan

bercakap Ahli-ahli Dewan. Kalaulah ianya bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 44 sahaja, yang melibatkan soal perangai dan 'unparliamentary word' dan sebagainya, tindak-tanduk seorang Ahli Dewan Rakyat, saya bersetuju. Petang ini pukul 2.30 petang bahas pukul 3.30 petang lulus petang ini saya bersetuju. Tetapi kalau soal yang menyentuh tentang kebebasan bercakap Ahli-ahli Dewan, pandangan ramai mesti diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan rasa terkilan kerana, pertama parti saya tidak ada dalam Jawatankuasa Mesyuarat Dewan. Pandangan parti saya tidak diminta untuk mengemukakan pandangan tentang perubahan dan pindaan-pindaan ini yang ada dibentang pukul 2.30 petang tadi, bahas pukul 3.30 petang. Tentulah saya mendengar dengan penuh teliti ucapan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Sebenarnya, saya membaca dan memahami daripada apa yang dia bahaskan tadi, daripada fahaman saya tentang peraturan yang dipindahkan ini, ikhlas saya nyatakan ada perkara yang boleh kita bersetuju, Tuan Yang di-Pertua—ada. Tetapi ada perkara yang langsung kita tidak boleh terima. Jadi, susah kepada saya, kalaulah pandangan kita diminta terlebih awal. sudah tentu perkara-perkara yang kita tidak bersetuju itu boleh kita kemukakan pandangan dan atas prinsip mesyuarah, suatu keputusan muktamad boleh kita capai. Tetapi, kalau pihak kerajaan meletakkan cadangan di hadapan Dewan meminta kita bersetuju sesuatu perkara yang kita sendiri tidak pernah diminta tandatangan atau diminta pandangannya, susah bagi saya untuk menerima.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, yang saya tidak boleh

menerima ialah Peraturan Mesyuarat 18. Notis 24 jam mesti diberi oleh mana-mana Ahli Dewan ini, yang ingin membincangkan suatu perkara khusus, yang perlu disegerakan, yang melibatkan kepentingan orang ramai. Dahulu 4 jam, sekarang dipinda kepada 24 jam. Tujuan perkara 18 ini dimasukkan dalam Peraturan Dewan ialah untuk memberikan Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan menggunakan forum Parlimen ini untuk membangkitkan suatu perkara khusus perlu disegerakan dan melibatkan orang ramai. Malah, insiden Highland Towers pada suatu masa pernah berlaku, perkara itu perkara melibatkan orang ramai, khusus dan perlu disegerakan. Kalau seorang Ahli Dewan diminta memberi notis 24 jam, peristiwa berlaku semalam, hari ini kita tidak boleh bincang. Kalau peristiwa itu berlaku jam 8.00 malam tadi, kebetulan kita ada bersidang Dewan Rakyat pada hari ini pukul 2.30 petang, mustahil perkara itu boleh kita bincangkan dalam Dewan Rakyat kerana tempoh 24 jam masih belum cukup, kita mesti menunggu keesokan hari besok baru kita boleh membincangkan insiden yang berlaku pada pukul 8.00 malam tadi.

Maksud Peraturan Mesyuarat 18 sudah tidak tercapai, apakah tidak boleh Parlimen ini yang merupakan suatu simbol proses demokrasi, yang kita semua mewakili rakyat tidak boleh membincangkan suatu perkara yang perlu disegerakan? Saya tidak nampak mengapa tempoh perlu dihadkan kepada 24 jam. Kalau tempoh 24 jam ini dihadkan kepada 24 jam yang ada sekarang, tidak ada makna Peraturan Mesyuarat 18 dimasukkan di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat kita kerana kalau insiden yang saya katakan tadi, berlaku pada pukul 8.00 malam

tadi, hari ini kita tidak boleh bincang kerana hendak hantar notis kena tunggu pagi ini, tidak boleh hendak hantar pada pukul 1.00 pagi tadi—tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, mesti tunggu pukul 8.00 pagi tadi, tunggu pula 24 jam, pukul 8.00 pagi besok, pagi Dewan Rakyat tidak bersidang, tunggu pukul 2.30 petang besok. Kalau insiden seperti Highland Towers yang mati sudah dikebumikan, Tuan Yang di-Pertua, mana ada urgency lagi? Mana ada kepentingan orang ramai lagi? Itu saya sebut, satu daripada contoh yang saya tidak boleh bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya tidak boleh bersetuju ialah Peraturan 24(b)(i) yang dicadangkan sekarang. Dengan penuh hormat saya menjemput Yang Berhormat Menteri merujuk kepada Peraturan 24(b)(i) yang dicadangkan.

24(b)(i) — ‘Memberi kuasa kepada seseorang Menteri mengisytiharkan kepada Dewan ini bahawa suatu pertanyaan itu telah dijawab dalam persidangan sebelumnya, maka dia tidak perlu lagi menjawab soalan tersebut’.

Saya tidak nampak bagaimana kuasa ini mesti diberi kepada seorang Menteri, sepatutnya kuasasepatutnya kuasa ini mesti diberi kepada Tuan Yang di-Pertua, bagaimana seorang Menteri boleh menentukan soalan yang orang tanya, dia perlu jawab atau tidak. Saya tanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Yang Berhormat Menteri Pertahanan bangun menjawab: “Soalan ini sudah dijawab dalam sidang Parlimen lepas, maka saya tak perlu jawab”. Dia pun duduk. Macam mana, saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Menteri kata dia tidak perlu jawab.

Ini akan merupakan satu penyalahgunaan proses dalam Dewan ini, sepatutnya kuasa ini mesti berada di tangan Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya bangkitkan satu persoalan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, atas pertimbangan dan perkiraan budi bicaranya memikirkan persoalan itu telah dijawab, maka menasihati saya bahawa oleh kerana persoalan itu telah dijawab dalam sidang Parlimen yang lepas, tidak perlu Menteri jawab. Baru betul, fasal Tuan Yang di-Pertua berdiri sebagai hakim di sana, tetapi kalau saya tanya kepada Menteri, Menteri yang kata dia tidak perlu jawab, ini adalah suatu penyalahgunaan proses dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, kalau saya diberi masa yang lebih banyak untuk mengkaji cadangan-cadangan pindaan, banyak lagi cadangan-cadangan yang pada saya boleh diubahsuai, diperbaiki untuk menjaga martabat Parlimen, tetapi oleh kerana tempoh masa yang diberikan terlalu singkat, sebab itu awal-awal tadi, saya merasakan bukan bangkit rasa marah tetapi terkilang yang amat sangat dengan cara cadangan pindaan ini dibuat.

Sepatutnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, apabila perkara-perkara yang melibatkan kepentingan 192 orang Ahli Dewan Rakyat yang melibatkan hak kita semua, tidak kira soal hal kerajaan, hak pembangkang tetapi hak kita atas sifat kita selaku Ahli Dewan Rakyat mestilah kita boleh mengemukakan buah pandangan, fasal pindaan ini ialah suatu peraturan hendak menyarankan, mencadangkan bagaimana perjalanan Parlimen ini harus berjalan, itu sebenarnya

tujuannya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pandangan semua parti tidak boleh diminta, PBS tidak ada dalam jawatankuasa ini, saya lihat, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan yang bermesyuarat pada 17hb, PBS tidak ada wakil, parti PAS tidak wakil, S. 46 tidak ada wakil, yang ada ialah daripada DAP. Itu pun mesyuarat selama satu jam, Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya kalaulah niat pihak kerajaan ikhlas, panggil wakil PAS, panggil S.46, panggil wakil PBS berbincang sama-sama untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi kita. Mengapa ini tidak boleh dilakukan? Secara individu saya boleh kemukakan pandangan kepada Yang Berhormat Menteri, tak ada salahnya kalau untuk cari kebaikan bersama. Tetapi masa yang diberikan adalah terlalu singkat. Peluang untuk mengemukakan buah fikiran langsung tidak diberi. Cara ini langsung saya tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi telah saya katakan, saya boleh terima. Misalnya pengurangan soalan lisan; daripada 20 kepada 5 soalan, saya boleh terima. Kerana ada di antara Ahli Parlimen walaupun ada hak 20 soalan, tetapi 5 soalan sahaja dihantar. Tiga soalan sahaja dihantar. Saya akui saya tak payah hantar 20 soalan. Paling banyak dalam rekod saya, enam tahun jadi Ahli Parlimen, hanya 16 soalan. Itu yang paling banyak. Saya setuju dikurangkan kepada 5 soalan, kerana walaupun banyak dikemukakan, tetapi tidak sempat dijawab dalam masa satu jam, melainkan urusan Soal Jawab, masa dilanjutkan kepada satu masa yang lebih panjang daripada itu. Tetapi ada persoalan-persoalan yang langsung saya tak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana saya cakapkan tadi adalah merupakan contoh yang saya sebut, yang saya sempat baca pada petang ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, seperti cadangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang. Kalau Yang Berhormat Menteri ikhlas hendak cari suatu peraturan yang terbaik untuk kita, maka saya mohon dengan penuh ikhlas supaya perbincangan ini ditangguh sehingga sekurang-kurangnya sehari atau dua hari, dan pandangan semua ahli-ahli daripada berlainan parti politik mesti diperolehi terlebih dahulu. Soal sama ada pandangan kami diterima atau tidak, itu hak Jawatankuasa ini. Tetapi peluang untuk mengemukakan pandangan mesti diberi kepada kami, kerana ini melibatkan soal kebebasan hak bercakap ahli-ahli Dewan. Minta maaf, saya tak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lepar. Ini bukan soal yang melibatkan soal perangai Dewan Rakyat sahaja. Kalau itu, saya katakan tadi tak bahas pun tak mengapa. Saya tidak ada kompromi kepada wakil-wakil rakyat yang bersikap biadah di dalam Dewan ini, fasal kita datang ke sini bukan untuk menunjukkan sikap yang biadah, tetapi untuk berkhidmat kepada rakyat dan kepada Dewan yang mulia ini.

Atas perasaan yang cukup ikhlas saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya menangguhkan perbincangan ini sekurang-kurangnya untuk tempoh dua hari, dan suatu mesyuarat bersama antara Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada berbagai-bagai parti politik mesti duduk bersama dan berbincang untuk mencari kepada kata sepakat beberapa pindaan yang tidak boleh saya terima tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, saya hanya membaca sekejap sahaja. Saya sudah kesan

beberapa peruntukan yang pada pandangan saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, undemocratic. Banyak lagi peruntukan-peruntukan lain yang boleh saya sentuh. Misalnya perkara 37(2) mengenai penjelasan. Sekali lagi saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Peraturan Mesyuarat 37(2). Peraturan Mesyuarat 37(2) menyebut, "Pengerusi boleh tidak membenarkan mana-mana ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa Majlis Mesyuarat tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyelesaikan urusannya" atau "Jika Pengerusi mempercayai bahawa niat ahli yang meminta penjelasan adalah semata-mata untuk mengacau ahli yang sedang berucap". Ini juga saya tak boleh terima. Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Tuan Yang di-Pertua berhenti, melarang mana-mana ahli meminta penjelasan kerana niatnya untuk mengacau, itu saya boleh terima, Tuan Yang di-Pertua. Kerana Dewan ini bukan tempat untuk mengacau mana-mana menteri atau mana-mana ahli Dewan bercakap. Itu saya boleh terima. Kalau atas budibicara Tuan Yang di-Pertua melihat Ahli Yang Berhormat dari Machang bangun minta penjelasan daripada menteri hanya semata-mata untuk mengacau. Saya boleh terima Tuan Yang di-Pertua melarang saya berucap. Tetapi saya tak boleh terima kalau Tuan Yang di-Pertua boleh melarang saya untuk meminta penjelasan daripada menteri semata-mata kerana soal masa.

Cadangan yang pertama ini ada dua perkara yang boleh disekat oleh seorang Yang di-Pertua. Pertama, penjelasan saya tidak boleh dilayan, jika pertama, masa tidak cukup. Yang kedua, jika niat saya hanyalah untuk

mengacau. Dan telah saya katakan tadi, kalau niat seorang ahli Dewan bangun minta penjelasan semata-mata untuk mengacau, saya boleh terima. Tetapi kalau saya bangun dengan ikhlas minta penjelasan suatu perkara yang penting, tetapi masa tak cukup, saya dihalang. Dengan izin, this is not fair, Tuan Yang di-Pertua. Masa, kita boleh sambung. Sepertimana pernah kita sambung Dewan Rakyat ini banyak kali, daripada pukul 6.30 petang sampai pukul 9.00 malam. Daripada persidangan enam hari ke lapan hari, daripada lapan hari ke selupuh hari, kita boleh sambung atas isu yang melibatkan kepentingan orang ramai. Tetapi saya tidak boleh merima kalaulah pindaan ini menghadkan saya, melarang saya untuk minta penjelasan kepada mana-mana ahli Dewan atau mana-mana menteri hatta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali pun, kerana faktornya ialah masa. Tetapi kalau niat saya ialah untuk mengganggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hendak mengganggu Yang Berhormat Menteri Pertahanan, hendak mengganggu mana-mana menteri atau ahli Dewan, itu boleh. Kerana kita bukan datang ke sini untuk membazir masa. Kita datang untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara yang kita cintai. Tetapi saya tidak lojik bagaimana saya boleh dihadkan kerana masa, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang dikatakan, masa kita boleh sambung; tiga hari kita boleh sambung, empat hari kita boleh sambung, dua jam boleh sambung, bawa usul, beres, boleh jalan, tak ada masalah.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi. Saya kemuka pandangan ini bukan dengan perasaan marah kepada Yang Berhormat Menteri. Saya kemuka dengan perasaan ikhlas. Kalau Yang

Berhormat Menteri juga ikhlas, saya minta tangguh dua hari, panggil wakil-wakil parti untuk berbincang jadi kata sepakat. Kalau itu, Yang Berhormat Menteri tak boleh buat, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berhenti daripada membahaskan cadangan pindaan ini sekarang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta jawapan. Tak ada lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong hendak mengambil bahagian? Sila.

*6.18 ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai Ahli di dalam Jawatankuasa, saya sepatutnya tidak mengambil bahagian di dalam debat ini. Walau bagaimanapun, dengan perkara yang begitu penting, nampaknya tidak ada orang hendak mengambil bahagian, cuma tiga orang sahaja. Ini adalah satu keadaan yang sungguh malang. Sebab itulah saya terpaksa mengambil bahagian di dalam perbahasan yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli bukan Ahli dari 'Padang Lupa', 'Padang yang sudah lupa'.

**Seorang Ahli:** Lupa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lupa 'Terlupa'. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dari Batang Lupa tidak begitu arif, tidak begitu memahami apakah peraturan-peraturan di dalam Dewan Rakyat.

Tuan yang di-Pertua, yang pertamanya saya berpendapat, saya tidak mahu membidaskan Yang

Berhormat Menteri kerana dia ada beri saya cadangan dan nasihat jangan berucap lagi di dalam Dewan yang mulia ini. Itu saranan dia.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, yang pertama, kita mesti diberi tempoh masa untuk meneliti semua cadangan dan kemudian walaupun tempoh ini daripada mesyuarat yang lepas memang kita ada mempunyai lebih satu bulan untuk meneliti. Tetapi proses untuk memperbincang masalah-masalahnya tidak cukup. Misalnya di dalam mesyuarat hari itu saya masih ingat dengan jelas, saya boleh katakan dan saya ada menegaskan seboleh-bolehnya saya hendak satu naskhah dengan cukup masa untuk meneliti. Tetapi oleh kerana kita menggunakan mesin fax—mesin fax tidak begitu efisien ataupun saya sampai sekarang mencari adakah fax untuk saya? Tetapi tidak ada langsung. Ini mungkin orang yang menggunakan fax itu tidak tahu macam mana fax ini boleh digunakan dengan efisien. Fax kepada saya, tetapi saya tidak terima.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat datang mesyuarat yang kita adakan—lambat dan mempunyai alasan. Alasan itu kita terima, selepas itu Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak sempat baca. Kita beri Yang Berhormat lagi satu salinan. Selepas itu Yang Berhormat kata dia tidak dapat memberi komen yang berkesan kerana tidak tengok. Kita kata, Yang Berhormat, apa juga teguran dan komen yang hendak dibuat disampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua. Itu tugas Yang Berhormat. selain dari itu saya tidak boleh mengatakan Yang Berhormat tidak diberi masa yang cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang buat, selepas saya balik, dengan salinan itu saya buat dan saya kemukakan cadangan. Memang saya buat, ada bukti dan sebagainya tetapi yang saya pertikaikan di sini ialah supaya kita diperuntukkan lebih masa, bukan sahaja dari segi jawatankuasa bahkan juga wakil dari lain-lain parti, termasuk Semangat 46. PAS dan sebagainya supaya benar-benar mereka melakukan sistem yang lebih sempurna. Itu cadangan sayalah. Walau bagaimanapun, kalau cara untuk memperbincangkan di dalam jawatankuasa, misalnya, sepatutnya kita memastikan supaya semua ahli menerima pindaan lebih awal lagi. Bukan saya sahaja tidak terima pada waktu itu, bahkan juga lain-lain ahli juga kluatir bila dia terima pindaan yang dicadangkan ini. Saya tidak tahu bila dia terima? Jadi, bukan saya berucap untuk saya sendiri bahkan juga untuk ahli-ahli yang lain, oleh kerana faktor-faktor yang tertentu, mereka tidak mahu membangkitkan hal seperti ini. Mungkin segan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana sekarang dia banyak senjata (*Ketawa*). Banyak senjata moden—frigate moden.....

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya ingin menyebut salah satu peraturan yang terkandung di dalam 36(1) iaitu bercakap berkenaan tajuk—don't try to hit below the belt. Tadi saya dengar kononnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata—mendadu, masyarakat madani—apa yang ada civility, kalau hentam orang macam itu? This is no civility, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada madani. Mungkin pengaruh Yang Berhormat, maka mereka mungkin

enggan—jadi, itu boleh diterima sebagai pengaruh madani. Civil ya? Saya bangkitkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya pernah bangkitkan hal ini dan kita mesti mempertimbangkan. Tadi saya pergi ke luar dan saya tengok ia adalah suatu perbuatan yang baik kerana Ahli Parlimen sudah meningkat kepada 162 dan bilangan telefon untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen pun sudah ditambah kepada dua—ini satu perbuatan yang baik dan langkah yang boleh diterima oleh ramai Ahli. Daripada 3 talian kepada 6 talian telefon. Itu satu perbuatan yang baik dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya mencontohi langkah seperti ini. Kita tidak banyak hari untuk belanjawan, misalnya Yang ditambahkan itu tidak cukup, cuma untuk jawatankuasa dan kita mesti fikir bahawa dari dasar pun kita mesti tambah—mungkin dua hari lagi dan untuk jawatankuasa kita tambahkan 3 ataupun 4 hari lagi. Kerana saya nampak ada banyak ahli yang rajin yang seringkali saya nampak mereka bangun untuk mengambil bahagian dan banyak kali juga Tuan Yang di-Petua terpaksa menamatkan perbincangan supaya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini juga duduk dalam jawatankuasa tersebut. Kenapa dia tidak bangkitkan semasa jawatankuasa ini bersidang? Setahu saya beliau datang apabila mesyuarat sudah habis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Grik itu tidak

tahu mengapa saya bangun, dia tidak tahu apa cadangan saya, huraian saya dan tiba-tiba ada soalan daripada dia. Kita patut adakan satu peraturan. Sesiapa sahaja yang masuk ke Dewan dan tidak tahu apa yang dibincangkan tidak boleh bangkitkan soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak boleh bercakap—conflict of interest, sebab beliau adalah Ahli Jawatankuasa untuk meminda peraturan-peraturan di Parlimen, tetapi hari ini dalam mesyuarat dia tidak bangkitkan tetapi hari ini dia bangkitkan. Kenapa dalam mesyuarat pemberita tidak ada, tetapi hari ini pemberita ramai. (*Ketawa*).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada membuat penjelasan. Tetapi dia tidak ada di sini. macam mana saya hendak buat. Adakah hendak diulangkan lagi? Saya kata, sebenarnya saya tidak patut berdiri di sini, tetapi yang pentingnya cuma 3 orang yang mengambil bahagian di dalam perbincangan yang melibatkan semua Ahli. Itu masalahnya, tambah pula saya tidak membidas sesiapa termasuk Yang Berhormat dari Grik. Saya tidak mahu menelitikan apa yang saya cakapkan di dalam mesyuarat hari itu juga. Walau bagaimanapun, sepertimana dengan talian telefon yang ditambah dari 3 menjadi 6 jumlah, jadi, begitu jugalah dengan bilangan ahli untuk memperdebat Belanjawan. Kita tambahkan 2 hari lagi untuk peringkat dasar dan 3 hari lagi untuk

jawatankuasa—beri peluang kepada semua orang yang rajin untuk mengambil bahagian. Tidak seperti yang lepas kita hadkan masa selama 10 minit dan kalau ada 5 orang bangun lagi—ah! tidak boleh dah, sampai masa kita mesti tamatkan perbincangan supaya Rang Undang-undang atau pun Usul itu dapat dihabiskan hari ini juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita sambung esok. Masa sudah habis. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*